# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 1 | RABU 4HB. JANUARI, 1978. | دابو 24 محرم 1398 | PERCHUMA




KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; TYT Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang J.A. Davidson; DYTM Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah dan YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha bergambar ramai bersama2 YAM Pengiran Speaker dan Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri yang di-bentok semula.

Gambar ini di-abdikan sa-telah selesai Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mashuarat Negeri (Belanjawan) bagi Mashuarat Pertama dari Permashuaratan Ke-15 yang telah di-laksanakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei pada 22hb Disember, 1977 yang lalu.

## KEAMANAN YG SEDIA UJUD PERLU DI-KEKALKAN – TITAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Duli Yang Maha Mulia akan terus melaksanakan usaha2 berkebajikan di-segi keselamatan dan ketenteraman untok menjamin Negeri Brunei ini supaya sentiasa berada dalam keadaan aman dan tenteram dan segala usaha yang di-redhai Allah akan dapat di-jalankan dengan sempurna.

Ini telah di-tegaskan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dalam perutusan bagi mengalu2kan awal tahun baru Masehi 1978 ini.

Dalam titah yang di-siarkan melalui Radio Talivishen Brunei itu, Baginda berharap semoga keamanan dan ketenteraman yang di-korniakan oleh Allah s.w.t. sa-lama ini akan terus kita nekmati dalam tahun2 yang akan datang.

Baginda telah menekankan peri mustahak-nya raayat dan pendudok negeri ini menambahkan usaha yang berkebajikan supaya perkembangan dan kemajuan negeri ini akan dapat berjalan dengan pesat dan terator tanpa gangguan.

Usaha2 yang Baginda maksudkan itu ia-lah usaha2 yang mendatangkan munafaat yang di-laksanakan dengan jujor dan niat yang tulus ikhlas semata2 kerana Allah.

Duli Yang Maha Mulia juga telah menyampaikan uchapan terima kaseh dan penghargaan Baginda kapada anggota2 keselamatan ia-itu Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Pulis Diraja Brunei dan Jabatan Keselamatan dan Perisek serta anggota pasokan tentera Paduka Seri Baginda Queen yang mana semua pasokan2 ini telah berganding bahu pada menunaikan tugas2 mereka dalam bidang pertahanan dan keselamatan.

Kapada pegawai2 Kerajaan Baginda di-semua perengkat, Baginda juga telah menguchapkan terima kaseh atas usaha dan kerjasama yang mereka berikan dalam bidang pekerjaan masing2.

Akhir-nya Baginda dan ahli2 keluarga Baginda dengan sukachita-nya menguchapkan selamat menyambut tahun baharu kapada semua raayat dan pendudok Negeri Brunei Darussalam ini dan Baginda berdo'a semoga Allah akan memberkati kita dalam melaksanakan usaha2 kita yang di-redhai-Nya sepanjang tahun ini dan tahun2 yang akan datang.

## Setem khas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pos Brunei akan mengeluarkan satu set setem kenangan bagi memperingati ulang tahun ke-10 Perpuspaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Setem2 yang masing2 berharga 10 sen, 20 sen dan 75 sen akan di-keluarkan pada 1hb Ogos akan datang.

## Hasil negara bertambah

## Tahun2 kemakmoran bagi Negeri Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tahun 1977 ada-lah merupakan tahun kemakmoran bagi Negeri Brunei. Demikian telah di-nyatakan oleh Pegawai Kewangan Negara, Y.B. Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee dalam uchapan-nya ketika membentangkan satu usol Anggaran Belanjawan bagi tahun 1978 di-Dewan Majlis Mashuarat Negeri pada minggu lalu.

Y.B. Pehin Dato Lee berkata terdapat kredit Kira2 Hasil Yang Di-Satukan pada penutop tahun 1977 berjumlah $4,972 juta, bertambah sa-banyak $231 juta dari yang di-ramalkan.

Yang Berhormat menyatakan dalam tahun 1978 ini, anggaran hasil pendapatan negara berjumlah sa-banyak $2,385 juta iaitu bertambah sa-banyak $284 juta dari hasil Pendapatan tahun 1977.

Perbelanjaan yang berulang2 ada-lah di-jangkakan berjumlah $814 juta dan satu sumbangan sa-banyak $160 juta akan di-buat kapada Kumpolan Wang Kemajuan.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara berkata, lebehan keselurohan-nya bagi tahun ini akan berjumlah sa-banyak $1,411 juta dan baki kredit dalam Kira2 Hasil Yang Di-Satukan pada 31hb Disember, 1978 ini ada-lah di-ramalkan menjadi sa-banyak $6,383 juta.

Memandang kapada hasil yang bertambah itu, Y.B. Pehin Dato Lee mensifatkan tahun 1977 dan 1978 ada-lah merupakan tahun2 kegemilangan bagi Negeri Brunei dan dengan ada-nya latarbelakang kewangan yang kukoh, maka

Lihat muka 12

## Persahabatan Brunei dan Britain erat

BANDAR SERI BEGAWAN.— Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang J. A. Davidson dalam perutusan tahun baru-nya telah menyembahkan uchapan selamat tahun baru kapada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan DYTM Paduka Seri Begawan Sultan serta ahli2 Kerabat Diraja. Beliau bagi pehak raayat British di-sini juga telah menyampaikan uchapan selamat tahun baru kapada seluroh raayat dan pendudok Negeri Brunei.

Awang Davidson menyatakan bahawa tahun 1977 ada-lah merupakan tahun kegembiraan bagi raayat British kerana tahun itu ada-lah tahun Jubli Perak DYMM Paduka Seri Baginda Queen yang mana Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan DYTM Paduka Seri Begawan Sultan telah berangkat menghadhiri perayaan2 di-London.

Tuan Yang Terutama itu juga menyatakan bahawa tahun 1977 ada-lah tahun kejayaan bagi Britain dalam lapangan ekonomi dengan ada-nya pengeluaran minyak yang melebehi dari satu juta tong sa-hari yang mana kejayaan ini di-sifatkan oleh beliau sa-bagai persembahan negara yang terbesar terhadap perayaan Jubli Baginda Queen itu dan memberikan sumber yang sama saperti yang terdapat di-Negeri Brunei.

Awang Davidson berkata, Brunei dan Britain mempunyai tali persahabatan yang erat, akan tetapi beliau menegaskan bahawa tidak ada satu pertalian yang lebeh mustahak daripada perasaan saling muhibbah yang terdapat dalam jiwa sa-seorang.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

4HB JANUARI, 1978.

# Mengekalkan keamanan dan keselamatan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dalam titah Baginda sewaktu merasmikan persidangan Majlis Mashuarat Negeri dari Musim Permashuaratan ke-15 yang baru lalu, antara-nya; "Mengambil sempena pembukaan rasmi hari ini Beta sekali lagi ingin menekankan betapa penting-nya supaya kita terus menerus dengan tidak kendor2-nya menambahkan lagi usaha kita dalam aspek2 pertahanan dan keselamatan, samada yng di-kendalikan oleh pehak2 Pasokan Pulis Diraja Brunei, Askar Melayu Diraja Brunei, maupun Jabatan Keselamatan dan Perisek. Hendak-nya-lah segala persiapan2 di-perketatkan supaya semua raayat Beta yang di-kasehi sekalian serta pendudok Negeri Brunei yang chintakan keamanan akan dapat menjalankan usaha2 mereka yang berkebajikan dalam kehidupan mereka sa-tiap hari.

"Dalam keadaan suasana yang aman tenteram, tanpa sebarang gangguan atau kekachauan atau kuchar-kachir dari mana2 jua pehak, Insha Allah, Kerajaan Beta dalam bidang keselamatan dan ketenteraman akan terus menjalankan peranan yang aktif lagi berkesan. Dari itu, Beta berseru supaya seluroh raayat Beta dan pendudok negeri ini akan terus memberikan kerjasama dengan sepenoh2-nya sa-bagaimana mereka telah berikan sa-lama ini kapada pehak keselamatan."

Dalam perutusan titah menyambut tahun masehi 1978 pula, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan sekali lagi menekankan, "Insha Allah, Beta dan Kerajaan Beta akan sentiasa meneruskan usaha2 yang berkebajikan di-segi keselamatan dan ketenteraman untok menjamin supaya keadaan dalam Negeri Brunei, dengan izin Allah, akan sentiasa aman tenteram untok membolehkan usaha2 yang di-redhai oleh Allah itu supaya dapat di-sempurnakan."

Sempena tahun baharu ini, mari-lah kita sa-bagai raayat dan pendudok yang ta'at setia membaharui ikrar menjunjong dengan sepenoh2-nya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu, kerana ia-nya merupakan sa-bagai suatu hadiah yng tidak dapat di-nilai betapa tinggi-nya hasrat sa-orang Raja yang ingin melihat suasana dalam negeri aman tenteram lagi makmor, dengan itu sahaja-lah segala usaha2 Kerajaan pada meninggikan taraf hidup raayat akan dapat di-laksanakan dan seumpama-nya, begitu juga dalam bidang pembangunan yang lain akan dapat berjalan dengan lanchar tanpa gangguan. Dengan keadaan yang aman tenteram juga seluroh raayat akan dapat mengechap nekmat samada usaha yang datang-nya dari Kerajaan maupun usaha raayat itu sendiri.

Mari-lah kita sama2 mengekalkan suasana aman tenteram dengan memberikan kerjasama yang sepenoh-nya kapada pehak yang berkenaan ia-itu Pasokan Pulis Diraja Brunei, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei serta Jabatan Keselamatan dan Perisek, sa-bagaimana kerjasama yang pernah kita berikan sa-lama ini dengan tidak kendor2 dalam berbagai jurusan terutama melaporkan setiap gerak-langkah anasir2 yang tidak di-ingini, yang ingin melihat negeri dan raayat Brunei kuchar-kachir — akibat-nya, bukan orang lain yang di-timpa kerugian, kerosakan dan kesusahan; melainkan kita raayat negeri ini sendiri yang rosak-binasa !

Kerana itu penekanan yang berterusan dalam mana2 juga titah uchapan yang di-lafazkan oleh Baginda itu ada-lah sangat wajar kita sa-bagai raayat dan pendudok yang berlindong di-bawah Panji2 Kerajaan Baginda akan dapat menyempurnakan dan menanai sepenoh-nya sa-bagai pertanda yang tidak berbelah bahagi pada melahirkan ta'at setia yang jujor lagi ikhlas dari kita anak watan yang sentiasa mengechap kemakmoran dan kesentosaan yang di-hasilkan dari pentadbiran yang jujor dan ikhlas oleh Kerajaan Baginda itu sendiri. Dan mari-lah kita sama2 merafakkan do'a dan restu ka-hadhrat Allah s.w.t. supaya Baginda dan Kerajaan serta Kerabat2 Diraja, pembesar2 negara dan raayat sekalian akan beroleh rahmat dan nekmat yang berkekalan di-samping perlindongan yang abadi ka-atas diri kita semua di-dunia dan akhirat.

## DARI DEWAN MAJLIS M. NEGERI

# 1977 — TAHUN KEMAKMORAN BAGI BRUNEI



SAYA bangkit untok mengusulkan bachaan kedua Rang Undang2 pada mana saya gelar "Satu undang2 bagi mengeluarkan sa-jumlah wang dari Kumpolan Wang Yang Di-Satukan bagi perkhidmatan tahun 1978 dan bagi mempergunakan wang tersebut untok tujuan2 tertentu." Dalam melakukan yang sedemikian itu saya sukachita memaalomkan kapada Ahli2 Yang Berhormat tentang kejadian2 yang mempunyai kesan2 dari segi kewangan dalam Negeri Brunei sejak akhir kali saya beruchap dalam Majlis ini, mengenai dengan kedudokan kewangan pada masa ini dan tentang ramalan saya mengenai dengan apa-kah keadaan-nya kelak di-sepanjang tahun 1978.

**BERIKUT ini ia-lah uchapan Pegawai Kewangan Negara, YB Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee ketika membentangkan usol Anggaran Belanjawan bagi tahun 1978 dalam Majlis Mashuarat Negeri. Uchapan YB Pegawai Kewangan Negara ini akan kami siarkan sa-chara bersiri.**

Tahun 1977 merupakan satu tahun kemaamoran yang belum pernah terjadi dalam Negeri Brunei sa-belum ini. Ketika kita bersidang di-tahun lalu ada terdapat perasaan kebimbangan yang boleh di-fahami terhadap kedudokan ekonomi di-kebanyakan negara2 yang sedang membangun dan negara2 yang maju di-dunia ini. Kecherahan semula suasana ekonomi yang dengan penoh yakin di-ramalkan telah mengambil masa yang agak perlahan untok menchapai-nya dan walaupun terdapat pemulehan yang terhad bagi beberapa buah negara namun demikian negara2 yang lain maseh di-selubongi oleh kemurongan yang semakin mendalam. Masaalah2 yang sedang mereka hadapi nasib baik tidak timbul di-Negeri Brunei ini dan kita telah dapat bertedoh di-bawah naungan payong ekonomi minyak dan gas dalam keadaan yang kita tahu bahawa kedudokan kewangan kita ada-lah chukop kuat untok melindongi orang ramai daripada pengorbanan2 yang mana pendudok2 di-negara2 yang kurang bernasib baik telah di-gesa untok melakukan-nya.

Meskipun kita bergantong kapada bahan2 makanan yang di-impot, barang2 buatan luar negeri mahu pun tenaga manusia, namun demikian ada-lah satu perkara yang mustahil bagi kita untok mengelakkan kesan2 kenaikan harga barang2 serta kesan2 inflasi dalam negeri2 daripada mana barang2 impot dan yang sa-umpama itu di-datangkan. Kerajaan telah dapat mengekang kechondorongan2 inflasi yang berakar-umbi dalam negeri dengan chara mengawal harga barang2, dengan chara tidak mengenakan chukai2 baru atau yang sa-benar-nya pun Kerajaan tidak mempunyai sebarang keperluan untok mengadakan bentok2 perchukaian yang baru mahu pun yang di-naikkan lagi kadar2-nya ka-atas orang2 perseorangan, dengan chara terus-menerus memberikan bantuan2 subsidi ka-atas kemudahan2 awam dan perkhidmatan2 penting, dan dengan chara menyekat mana2 perbelanjaan awam yang tidak mendatangkan sebarang hasil dalam lingkongan had2 keperluan.

Kerajaan sentiasa sedar bahawa ada-lah satu hal yang mustahil untok mengekalkan harga barang2 dalam paras2 yang rendah dan begitu juga untok mengawal kechondorongan2 inflasi kechuali jika ada terdapat sekatan2 terhadap kenaikan2 gaji. Pertalian angkujok gaji2 kakitangan mahu tak mahu akan mengakibatkan satu perputaran inflasi yang mana asal saja terjerumus ka-dalam-nya, maka untok melepaskan diri hanya-lah dengan chara mendesak raayat serta pendudok supaya memberikan pengorbanan, termasok-lah taraf hidup yang lebeh rendah.

Bagaimanapun, tekanan2 kuasa2 dari luar ada-lah sa-begitu rupa hinggakan belanja sara-hidup tidak dapat dengan sepenoh-nya di-kawal oleh Kerajaan dan perlu-lah gaji2 di-selaraskan dengan kadar2 yang di-bayar di-pasaran2 dunia dan di-selaraskan ka-paras yang mana sa-seorang itu dapat membeli barang2 keperluan-nya sa-hari2 serta menekmati kemewahan yang sa-wajar-nya. Perkara ini ada-lah sentiasa dalam kajian dan awal tahun ini gaji2 kakitangan Kerajaan telah di-naikkan dan gaji2 kebelakangan di-bayar hingga 1hb Januari, 1977. Kenaikan2 yang sebanding juga telah di-berikan kapada pegawai2 Kerajaan yang berpenchen dan juga kapada orang2 yang menerima bantuan kebajikan dan lain2 bantuan sosial yang serupa.

Di-negara2 yang lebeh besar perkhidmatan2 umom semestinya perlu di-selenggarakan oleh lembaga2 pentadbir yang mengendalikan kewangan-nya sendiri. Hal ini mahu tak mahu akan menyebabkan berlakunya kos2 yang bertambah-naik oleh kerana belanja2 pentadbiran-nya mesti-lah di-tanggong oleh lembaga itu sendiri, sedangkan di-Brunei kebanyakan belanja2 ini maseh mampu di-temui sa-bagai sa-bahagian daripada harga mentadbirkan Kerajaan pusat. Oleh kerana usaha2 sa-umpama ini di-biayai melalui Hasil dan Perbelanjaan Kerajaan maka sebarang kerugian ada-lah tertanggong dengan sendiri-nya. Kira2 Negara boleh di-adakan untok merekodkan peri keupayaan usaha2 itu untok bertapak-maju dari segi kewangan-nya tetapi kadar2 bayaran yang di-kenakan kapada pengguna2 ada-lah di-tentukan oleh Kerajaan yang mana juga boleh memutuskan sama ada perkhidmatan2 tersebut di-berikan bantuan subsidi dan sa-takat mana ia-nya boleh di-bantu. Urusan2 sedemikian hanya dapat di-laksanakan oleh kerana bentok usaha itu agak kechil tetapi ia-nya dapat mempastikan yang perbelanjaan-nya di-tumpukan kapada keperluan2 teknikal dan bukan-nya kapada belanja2 penyelenggaraan yang berbangkit daripada pentadbiran yang menchukopi serba-serbi-nya.

Keadaan turun-naik dalam kadar2 pertukaran yang menimbulkan masaalah2 di-tahun2 kebelakangan ada-lah kurang ketara pada tahun lepas, terutama sekali sebab-nya ia-lah kerana melalui kegiatan2 Lembaga Penasehat Pelaboran Kerajaan, pegangan2 pelaboran di-seberang laut telah di-peraneka-jeniskan, dan juga oleh kerana perubahan2 dalam kadar2 matawang2 dalam mana pelaboran2 itu di-pegang tidak-lah begitu mendadak sa-bagaimana yang telah berlaku tidak begitu lama di-kebelakangan ini. Pembaruan Kewangan Antarabangsa yang di-harap2kan itu maseh belum dapat di-wujudkan; di-bawah pembaruan kewangan ini nilai pegangan2 simpanan2 pelaboran bagi negara2 saperti Brunei tidak akan tertaklok kapada turun-naik yang di-sebabkan oleh masaalah dalam negeri yang mengeluarkan matawang2 simpanan pada masa ini. Kadar2 terapong maseh kekal di-terima menjadi sa-bahagian daripada suasana kewangan antarabangsa tetapi ia-nya maseh terus merupakan satu faktor yang kesan2-nya tidak dapat di-anggarkan dalam usaha meranchang kedepan.

Matawang Brunei maseh mengekalkan pariti yang sama dalam nilai emas sejak ia-nya di-edarkan sepuloh tahun yang lalu. Matawang yang sedang beredar pada masa ini berjumlah kurang-lebeh Br$86 juta dan ia-nya dengan melimpah-ruah berlandaskan kapada simpanan2 di-seberang laut. Bagi memperingati ulang tahun yang kesepuloh Lembaga Matawang Brunei maka satu wang shiling peruf perak $10.00 telah di-keluarkan; ia-nya merupakan duit2 shiling untok pengutip2 wang2 shiling dan tidak akan di-edarkan kapada orang ramai.

Kerajaan telah terus melaksanakan dasar-nya untok mengambil bahagian dengan sa-chara yang lebeh giat lagi dari segi kewangan dan pentadbiran dalam pengusahaan sumber2 asli ia-itu minyak dan gas. Berikutan dengan pemegangan sa-bahagian besar saham dalam perusahaan minyak, langkah2 telah di-ambil untok menambah lagi pegangan saham dalam projek Gas Chechair Asli dan juga untok menubohkan dalam Negeri Brunei Sharikat Perdagangan yang bertanggong-jawab bagi perkapalan dan penjualan gas chechair asli. Sharikat ini dahulu-nya telah di-daftarkan di-Bermuda dan pehak Kerajaan tidak mempunyai sebarang kepentingan dari segi kewangan dalam-nya, tetapi dengan tertuboh-nya di-Brunei Kerajaan telah memegang saham yang sama banyak-nya dengan yang di-pegang oleh kedua2 rakan yang lain.

Apa yang maseh tinggal sekarang ia-lah penyelesaian muktamad ka-atas urusan2 bagi pengambilan bahagian dalam sharikat yang bertanggong-jawab bagi pemasaran hasil2 minyak yang telah di-tapis dalam Negeri Brunei. Sa-buah sharikat tempatan telah pun di-bentok dan rundingan2 sedang giat di-jalankan bagi Kerajaan menjadi rakan yang memegang saham yang sama banyak-nya. Di-sepanjang tahun ini Kerajaan maseh terus memberikan bantuan subsidi ka-atas penjualan minyak gasoline, diesel dan kerosine supaya orang ramai boleh terus menekmati penggunaan hasil2 ini dengan membayar harga2 yang jauh di-bawah kos pengeluaran-nya dan dari itu di-lindongi daripada kenaikan harga tenaga dari aspek ini sa-bagaimana yang berlaku di-seluroh dunia.

BERSAMBONG

## Y.A.M. PENGIRAN SPEAKER UCHAPKAN TAHNIAH DAN SELAMAT TAHUN BAHARU

PENGIRAN Speaker, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar, sa-belum menanggohkan persidangan menguchapkan tahniah-nya kapada sa-orang ahli dewan, Yang Berhormat Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas atas lantekan-nya sa-bagai Peguam Negara Brunei mulai 1hb Januari, 1978.

Yang Amat Mulia itu juga menguchapkan selamat tahun baharu 1978 kapada semua ahli2 dewan dan berdo'a semoga ahli2 dewan sentiasa berada di-dalam kandongan sehat-walafiat serta dapat menunaikan tanggong-jawab sa-bagi ahli dewan yang mulia pada menjunjong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Majlis persidangan di-tanggohkan dan telah di-sambong semula petang semalam 3hb Januari, 1978.




# KUMPOLAN WANG KEMAJUAN $208,425,703 DI-LULUSKAN

PEMANGKU Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat, Dato Setia Awang Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd. Taib, ketika menggulong perbahasan mengenai ketetapan di-bawah cheramah (2) Bab 4 dari Undang2 Kumpolan Wang Kemajuan, mengharapkan raayat harus memikul tanggong jawab di-samping melipat gandakan usaha supaya kita tidak akan menghadapi suatu jenerasi yang lumpoh dan tidak boleh berdiri di-atas tapak kaki sendiri.

Kata-nya, kita tidak berniat untok menjemput orang2 luar negeri datang ka-Brunei beramai2 untok mengambil aleh tugas raayat di-negeri ini; kerana sejarah telah memboktikan ada beberapa buah negara yang mengimpot buroh2 dari luar negeri, dan mereka itu sudah menjadi penyakit dan sudah mendatangkan banyak masaalah kapada negeri itu sendiri.

Walau bagaimana pun, tambah Yang Berhormat itu lagi, Kerajaan Kebawah DYMM akan terus menerus membimbing raayat ka-arah yang berkebajikan dengan mengusahakan pertanian, nelayan dan sa-umpama-nya bagi mengadakan bahan untok keperluan raayat dan pendudok di-negeri ini sa-chukop-nya, dan kita berharap akan dapat melihat perkara tersebut berlaku di-samping semangat untok berdiri di-atas tapak kaki sendiri harus ada.

Ketetapan Undang2 Kumpolan Wang Kemajuan yang berjumlah sa-banyak $208,425,703.00 itu telah di-luluskan mengandongi ia-itu; Pertanian, Perikanan, Kawasan2 Perusahaan, Perdagangan, Pelajaran, Jalan2 Raya, Penerbangan Awam, Laut dan Pelabohan, Letrik, Talikom, Radio dan Talivishen, Perkhidmatan Pos, Perumahan Kerajaan, Perubatan dan Kesihatan, Kebersehan, Perbekalan Ayer, Perkhidmatan2 Bandaran, Bangunan2 Awam, Perpindahan, Hal Ehwal Ugama dan Simpanan Gegasan.

# Raayat harus menyambut segala apa jua ranchangan kebajikan

KETIKA menyokong usol menyembahkan uchapan sepenoh2-nya menjunjong kaseh kahadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, di-atas keberangkatan dan di-atas titah Baginda, Yang Berhormat Pengiran Haji Sepiuddin bin Pengiran Haji Sulaiman mengharapkan supaya raayat akan memberikan sambutan terhadap sa-tiap usaha Kerajaan pada meninggikan taraf hidup seluroh raayat di-negeri ini.

Yang Berhormat itu berdo'a semoga dengan kebijaksanaan Kerajaan serta pimpinan Baginda Yang Dipertuan, Negeri Brunei akan terus menekmati hasil dari usaha2 yang halal lagi di-redhai oleh Allah.


Y.B. Pg. Haji Sepiuddin

Menyentoh dengan perhubongan Brunei dan Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen, Yang Berhormat Pengiran Haji Sepiuddin mengharapkan agar negara2 lain memahami akan hakikat2 persahabatan saperti yang telah di-titahkan oleh Kebawah DYMM sewaktu membuka rasmi persidangan Majlis Mashuarat Negeri bagi permashuaratan ke-15 yang baru lalu.

Yang Berhormat itu juga menjunjong kaseh atas lantekan-nya semula sa-bagai ahli dewan Majlis.

# Jangan di-abai2kan kemudahan dan nekmat

RAAYAT dan pendudok di-negeri ini harus-lah memahami akan hasrat serta chita2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan jangan-lah kita mengabai2kan kemudahan2 yang di-dapati atau yang sedang di-nekmati; raayat harus-lah mengambil bahagian serta bekerjasama pada menjayakan-nya dan jika raayat achoh tak achoh, neschaya chita2 Kerajaan yang berkebajikan itu tidak akan dapat di-chapai.


Y.B. Dato Paduka Haji Othman

Ini telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Othman bin Bidin ketika menyekutukan diri menyokong usol yang telah di-chadangkan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail bagi menyembahkan serta menjunjong kaseh atas keberangkatan dan titah Kebawah DYMM sewaktu merasmikan Majlis Mashuarat Negeri yang baru lalu.

Beruchap mengenai dengan Brunei tidak mempunyai niat jahat, dan berkali2 Baginda bertitah, Brunei sa-buah negeri berkerajaan sendiri dan Raja yang berdaulat, Yang Berhormat Dato Paduka Haji Othman menyatakan perkara itu patut-lah di-fahami oleh negara jiran. Kerajaan dan raayat tidak suka bermusoh2an dengan negara jiran.

Walau bagaimana pun, tambah Yang Berhormat itu, macham mana kita hendak berbuat baik, jika orang tidak berbuat baik kapada kita? Berbaik2 itu ada lebeh besar mendatangkan faedah-nya dari faedah bermusoh2an, jelas-nya.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Othman juga menyembahkan uchapan terima kaseh atas lantekan-nya semula sa-bagai ahli Dewan Majlis bagi kali kedua.

Berchakap ketika menyukong usol yang di-bentangkan oleh YB Pegawai Kewangan Negara mengenai anggaran belanjawan bagi tahun 1978, Y.B. Dato Awg Hj Othman telah bershukor dan menguchapkan tahniah atas kebijaksanaan Y.B. Pegawai Kewangan Negara atas usaha2-nya yang gigih dalam melaksanakan tugas dan tanggong-jawab yang di-pikulkan kapada-nya.

# *Skim pinjaman: peluang raayat untok menchapai kemajuan*

RAAYAT dan pendudok di-negeri Brunei ini harus-lah menyedari hakikat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya peluang2 yang baik yang telah di-churahkan oleh Kerajaan itu, tidak hanya akan menjadi kenangan dan impian kapada kita.

Jabatan Kerajaan yang berkenaan yang di-pikulkan menjalankan projek2 tersebut, perlu-lah memperlihatkan kemajuan yang benar2, saperti apa yang telah di-hasratkan oleh titah Kebawah DYMM itu sendiri.

Ini telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat Malai Haji Mashore bin Malai Haji Damit, ketika membinchangkan dan menyekutukan diri pada menyokong satu usol yang telah di-chadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, "Bahawa Majlis bersetuju dan meluluskan satu usol untok menyembahkan uchapan sepenoh2 menjunjong kaseh kehadapan Majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, di-atas keberangkatan dan titah Baginda yang majlis ini menjunjong dengan sepenoh2-nya."

Melahirkan pendapat-nya, mengenai titah Kebawah DYMM Baginda Yang Dipertuan, mengenai ranchangan kemajuan ekonomi dan kebajikan raayat di-negeri ini, saperti sekim pinjaman bagi perusahaan dan peniaga2 kechil dan sederhana, perkara tersebut, jelas Yang Berhormat itu ada-lah merupakan suatu kemajuan Kerajaan, di-samping memberikan peluang kapada raayat yang ingin menchapai kemajuan2-nya.


Y.B. Malai Haji Mashore

Menyentoh hasrat Kebawah DYMM untok menjamin bidang2 keselamatan dan ketenteraman serta kesetabilan negeri ini, Yang Berhormat Malai Haji Mashore menyatakan kerana sudah ada perbuatan2 dari orang luar negeri, yang ingin berbuat khianat!

Orang luar yang berbuat khianat itu, jelas-nya, ada-lah seolah2 tidak tahu akan pendirian raayat Brunei!

Menyentoh dengan persahabatan di-antara Brunei dengan Great Britain, Yang Berhormat itu menjelaskan bahawa tiada sa-sebuah negeri atau badan pun yang mempunyai hak untok menchampori-nya dalam hal ini.

# *Raayat hendak-lah patoh kpd. undang2 dan peratoran negara*

YANG Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking mengesa seluroh raayat di-negeri ini supaya sama2 melahirkan rasa tanggong-jawab dan patoh kapada undang2 dan peratoran2 yang telah di-tetapkan di-negeri ini.

Menurut-nya, undang2 dan peratoran2 ada-lah perkara yang mustahak kapada sa-sebuah negeri, jika tidak ada-nya undang2 sesuatu perkara yang di-ranchangkan dan di-jalankan dalam negeri itu tidak akan dapat di-laksanakan.

Dalam perkara undang2 atau peratoran ini, Yang Berhormat itu memberi chontoh mengenai peratoran jalan-raya, yang mana menurut beliau, sesuatu kemalangan itu tidak akan berlaku jika sa-tiap pengguna jalan-raya di-negeri ini, mematohi undang atau peratoran yang berkenaan.


Y.B. Pehin OKPD Lukan

Terdahulu dari itu Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa menjunjong kaseh serta perasaan yang tidak berbelah bahagi kapada Kebawah DYMM dan Kerajaan Baginda di-samping mendo'akan agar Kebawah DYMM akan sentiasa kekal-karal menjalankan pemerentahan di-Negeri Brunei Darussalam ini.

Yang Berhormat itu juga menyatakan kesediaan-nya untok memberikan kerjasama, tenaga buah fikiran yang jujor lagi bermunafa'at di-dewan tersebut untok kepentingan raayat dan pendudok di-negeri ini.

Menyentoh mengenai titah Baginda Yang Dipertuan supaya hasil2 dari projek2 Kerajaan Baginda akan terus di-nekmati oleh segenap lapisan raayat dan pendudok di-negeri ini, Yang Berhormat itu menyatakan lagi supaya semua yang di-ranchangkan dan di-hajatkan oleh Kerajaan itu perlu-lah raayat dan pendudok di-negeri ini akan sama2 melaksanakan-nya.

# PEOPLE TOLD TO INCREASE EFFORTS

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah hoped that the peace, tranquility and prosperity experienced in 1977 would continue into the future.

His Highness expressed the hope in his New Year message broadcast over television and radio on Sunday night last week.

His Highness once again stressed the need for the people in the State to increase their efforts in everything they do in order that the country's progress and development could advance rapidly and systematically without interruption.

He emphasised that the efforts he meant were those which were beneficial and carried out with honesty and sincerity.

His Highness pledged that the Government would continue its endeavour in guaranteeing peace and security in the country so that these efforts could be implemented efficiently.

He expressed his thanks and appreciation to the Royal Brunei Malay Regiment, the Royal Brunei Police, the Department of Security and Intelligence and members of H.M. the Queen's armed forces for their combined efforts in the field of defence and security.

His Highness also expressed his sincere thanks to all government servants for their performance and cooperation in their respective jobs.

Concluding his message, the Sultan said he and other members of the Royal Family were glad of the opportunity to wish everyone in Brunei a Happy New Year and prayed that Allah would bestow blessings upon the new year and the future.

# ETV a positive and wise step

GADONG. — The Brunei Muara District Officer Awang Salleh bin Haji Hidup described the establishment of education television in Brunei as a positive and wise step taken by the Government.

Awang Salleh was opening a five-day educational television course for teachers at the Sultan Hassanal Bolkiah Teachers' College here last Wednesday.

He said the introduction of this method of teaching would be welcomed by all, especially parents and teachers.

The District Officer said it was up to the teachers to make ETV a success and of benefit to all children in the State.

Over a hundred teachers attended the course during which they discussed among other things the teacher's roles in television and those of television in education.

# Lecture on drugs, narcotics

JALAN MUARA. — About two hundred senior scoutmasters and young police recruits attended a lecture on drugs and narcotics and their ill-effects at the Lecture Room of the Police Training Centre here last week.

The lecture was delivered by ASP Pengiran Hamzad bin Pengiran Haji Ismail who represented Brunei at the Drugs and Narcotics Seminar for Asian countries more than two years ago.

Pengiran Hamzad showed them some samples of drugs and narcotics along with the chemicals used to determine different types.

Also present during the lecture was the Commandant of the Police Training Centre, Superintendent Yakob bin Pehin Maharaja Diraja Haji Zainal.

# 1977/8 GOLDEN YEARS FOR BRUNEI



Pehin Dato Lee.

**BANDAR SERI BEGAWAN. — The year 1977 had been one of unprecendented prosperity in Brunei with the balance standing to the credit of the Consolidated Revenue Account CRA at the close of the year amounted to $4,972 million, an increase of some $231 million than was anticipated.**

This was disclosed by the State Financial Officer the hon'ble Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee in his budget speech on the second dy of the current session of the Legislative Council meeting at the Dewan Majlis here last week.

Pehin Dato Lee estimated that in 1978 revenue would come to $2,385 million, an increase of some $284 million over 1977.

Against this, Recurrent Expenditure was expected to amount to $814 million and a contribution of $160 million would be made to the Development Fund.

He said the overall surplus for the year would therefore be $1,411 million and the accumulated balance standing to the credit of the CRA at the end of the year would be $6,383 million.

He described the years as golden for Brunei and said that with such a strong financial background there have been no budgetry problems.

"Such restrictions as it has been necessary to impose have been because of the need to avoid wasteful or nugatory expenditure and to ensure that the pattern of expenditure is dictated only by the need both now and in the foreseeable future to provide adequate and efficient Government services" he pointed out.

He continued: "It is recognised that the present high levels of income will not be maintained indefinitely or even if maintained will be offset by increased expenditure and it is essential therefore that in spending this year we also lay a sound foundation on which to build in future years."

On Development, Pehin Dato Lee said that the present five-year plan which envisaged overall spending of $700 million would now be increased to $760 million.

This was to meet rising costs and the necessary expansion of certain schemes to include items the need for which only became apparent after the schemes were started.

He said the estimate of Expenditure on development schemes this year was $208 million and, as was mentioned earlier a sum of $160 million would be transferred to the Fund from Revnue bringing the amount available in the Fund to $245 million with an anticipated credit balance at the end of the year of $37 million.

Earlier in his speech Pehin Dato Lee mentioned about the global concern on the economic condition of the developing and developed countries.

He said the upturn in the economies which was forecast so confidently was slow to develop and although there has been a limited recovery for some countries there has been deepening despondency for others.

"The problems which they face have fortunately not arisen in Brunei and we have been able to shelter under the umbrella of an oil and gas economy secure in the knowledge that our financial position was strong enough to shield the public from the sacrifices which the people of less fortunate countries were being called upon to bear" he added.

The full text of Pehin Dato Lee's speech will be published as from next week.

# Farmers encouraged to grow beans

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Agriculture Department is introducing a project aimed at encouraging farmers in remote parts of the State to grow culinary beans.

A spokesman of the department announcing this said one type of these beans has been found to be growing well in Brunei and could now be made available to farmers.

These beans contain about forty per cent protein thus providing a cheap source of vital dietary requirement in areas where meat and fish are expensive and hard to get.

# Air-conditioning short course

BANDAR SERI BEGAWAN. — Applications are invited for a twelve weeks, day part-time course to be held at the Jefri School of Engineering starting this month.

Candidates should have a good command of technical English and will be qualified either by academic qualifications or experience as follows: —

GCE "O" Level in Mathematics, Science or Physics.

or

City and Guilds 827 Refrigeration Course or equivalent

or

At least two years technician experience in the air conditioning industry.

Classes will be on Monday, Tuesday and Wednesday of each week and will consist of lectures accompanied by suitable demonstrations where necessary.

The course is intended to give the student with an elementary and general engineering background, a more specialised knowledge of the behaviour of liquids and gases under both static and dynamic conditions.

Application forms may be obtained from the Education Department here or Jefri Bolkiah School of Engineering, Kuala Belait.

The forms must be completed and returned to Organiser of Technical Education, Education Department not later than tomorrow.

# Camping session for cadets

JALAN MUARA. — The Police Training Centre last week organised a four-day camping session for members of the Brunei Police Cadet Corps aimed at giving them some jungle training.

Ninety boys and girls from three schools in the Brunei Muara District attended the session which was conducted by the Commanding Officer of the Police Training Unit, Chief Inspector Adenan bin Omar.

The Commissioner of Police Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid visited the camp and gave away prizes to the winners of various competitions held during the camp which was also part of the annual exercise project.

The corps was formed early last year and now has two hundred and seventy members from eight schools in the Brunei Muara and Tutong districts.

It is hoped that a similar organisation will be formed in the Belait and Temburong districts this year.

# Islamic Seminar

BANDAR SERI BEGAWAN. — A four-day seminar on Islamic Missionary was held at the Seri Begawan Religious Teachers' College here last week.

The seminar the theme of which was "Youth Islamic Missionary" was jointly organised by the Religious Affairs Department and the State Youth Council.

It was attended by more than a hundred delegates representing twenty organisations throughout the State.

Lecturers from the Religious Affairs Department discussed with the young delegates about youths' involvement in the Islamic Religion.

# Nafsu pintu utama bagi godaan Shaitan

ADA-LAH satu nekmat yang amat berharga jika sa-seorang itu sudah berada di-jalan kebenaran, namun sa-makin jauh sa-seorang itu berjalan di-jalan keta'a-tan, jangan sekali2 ia lupa dari mengawasi shaitan atau jangan menyangka ia telah pun tahu chara2 untok menyelamatkan diri-nya dari shaitan itu, malah shaitan sa-makin maju sa-seorang dalam keta'atan-nya, maka shaitan akan sa-makin menambahkan senjata-nya untok melarang orang itu, ia menganggap keta'atan manusia itu sa-bagai satu chabaran kapada-nya, oleh itu ia akan membalas dengan satu chabaran yang lebeh besar hingga ia berjaya merosak dan membinasakan orang itu, kerana ia tidak merasa aman di-samping-nya.

Shaitan tidak begitu hebat melancharkan permusohan dan chabaran terhadap orang2 yang sesat dan penyembah2 hawa nafsu, kerana dia telah terjamin dengan neraka. Shaitan itu sifat-nya melancharkan peperangan2 umom terhadap manusia dan melancharkan peperangan khusus terhadap orang2 yang bermujahadah menuju Allah.

Hal ehwal manusia, merupakan satu urusan yang amat penting kapada-nya, dan dia mempunyai para pembantu untok menentang kita, di-antara-nya pembantu2-nya itu ia-lah nafsu kita sendiri, dan juga mempunyai jalan2 dan pintu2 masok yang tidak di-sedari oleh kita.

Sa'ad bin Mu'az amat tepat bila beliau berkata: "shaitan itu lapang, sedangkan kita sebok, dia melihat kita, sedangkan kita tidak melihat-nya, kita lupakan dia, sedangkan dia tidak pernah lupakan kita, dan dari nafsu2 kita sendiri dia dapat pembantu2 untok menumpaskan kita, oleh itu kita harus memerangi-nya dan menundokkan nafsu itu sendiri supaya terselamat dari kerugian dan kemusnahan."

Dengan apa-kah chara-nya untok memerangi shaitan itu? Ada dua chara:

**Pertama:** Untok menumpaskan shaitan ia-lah memohon perlindongan daripada Allah dengan sunggoh2, satu permohonan yang lahir dari azam yang kuat dan bulat serta tekad yang kukoh, kerana shaitan ia-lah binatang ganas yang di-lepas untok menggoda keimanan manusia. Sa-andai-nya sa-seorang itu berjuang dengan sa-orang diri-nya sahaja, ia akan kehilangan tenaga dan masa, dan akan senang di-tumpaskan. Oleh itu perlu ia meminta perlindongan daripada Allah yang menjadikan-nya.

**Kedua:** Menyoal diri-nya sendiri tentang tiap2 fikiran, perkataan dan tindakan yang di-buat-nya itu apa-kah tujuan-nya? Jika baik dan berfaedah, itu-lah tanda-nya dia mengikut jalan kebenaran dan hak, tetapi jika sa-balik-nya hendak-lah ia jauhi dan hindarkan, kerana itu-lah tanda2 dari langkah2 dan hasutan shaitan.




# Imbangi kehendak2 rohani dan jasmani

**Bingkisan minggu ini**

DALAM diri kira terdapat dua pekerjaan, ia-itu pekerjaan hati dan anggota. Pekerjaan hati itu, ia-lah: 1) Perchaya kapada ada-nya Allah Yang Maha Berkuasa, Yang Maha Besar dan Maha Tinggi; 2) Perchaya kapada ada-nya Malaikat2 yang di-perentahkan Allah memegang tugas2 yang penting bagi menjalankan pentadbiran alam; 3) Perchaya kapada Kitab2 yang di-turunkan Allah kapada Rasul2-Nya, yang mengandongi pertunjok2 yang nyata untok di-sampaikan kapada umat manusia; 4) Perchaya kapada ada-nya Rasul2 Allah untok menyampaikan ajaran2 Allah kapada seluroh umat manusia, dengan tidak mengira apa bangsa; 5) Perchaya kapada ada-nya hari Qiamat yang akan di-tentukn oleh Allah Yang Maha Kuasa, bagi menyampaikan balasan2 baik dan jahat kapada hamba2-Nya yang ta'at dan derhaka; 6) Perchaya kapada untong nasib dan ketentuan Allah. Ke-enam2 perkara yang tersebut itu di-namakan juga sa-bagai "RUKUN IMAN".

Dari ke-enam2 pekerjaan hati itu, jika ia-nya telah benar2 di-amalkan oleh hati sa-seorang maka ia-nya baru-lah boleh di-katakan sa-bagai orang yang perchaya kapada rukun2 iman yang enam perkara itu menyebabkan sa-seorang itu menjadi orang mukmin jika ia-nya sa-orang laki2 dan sa-bagai sa-orang mukminah jika ia-nya sa-orang perempuan, ia-itu orang yang beriman.

Manakala pekerjaan anggota pula ia-lah melakukan atau mengamalkan lima perkara: 1) Uchapan dua kelimah shahadat, ia-itu"

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ
إِلَّا اللّٰهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللّٰهِ

Yang bermaksud: "Saya mengaku dengan sesunggoh-nya tiada Tuhan yang di-sembah dengan sa-benar2-nya melainkan Allah dan saya mengaku dan menyaksi bahawa sesunggoh-nya Nabi Mohammad itu pesuroh Allah kapada sekalian manusia"; 2) Menunaikan sembahyang lima waktu sa-hari sa-malam, ia-itu Zuhur, Asar, Magrib, Isha dan Suboh, sa-bagai wajib yang mempunyai waktu. Firman Allah dalam surah An-Nisa putongan ayat 103 yang bermaksud: "**Baha-wa ada-lah sembahyang itu telah di-wajibkan atas orang2 mukmin sa-bagai wajib yang berwaktu**". Rasulullah s.a.w. telah bersabda dalam sa-buah Hadith-nva yang bermaksud:

"**Telah di-fardhukan Allah di-atas umatku lima puloh waktu sembahyang pada malam Me'raj, maka sentiasa-lah aku berulang2 menghadap Allah memohon keringanan. Maka di-korniakan kurang hingga di-jadikan lima waktu sahaja dalam tiap2 sa-hari sa-malam**"; 3) Membayar zakat, ia-itu zakat fitrah sa-belum hari raya puasa dan zakat harta, yang di-berikan kapada asnaf2 yang berhak menerima-nya.; 4) Berpuasa di-bulan Ramadhan, bertujuan melateh diri berlapar dan berdahaga, supaya kita menyedari nasib orang2 miskin dan menderita; 5) Menunaikan fardhu haji ka-Mekah, menunaikan seruan Allah, berziarah ka-Ka'bah. Kelima2 pekerjaan tersebut di-namakan juga sa-bagai RUKUN ISLAM".

**IMAN DAN ISLAM ADA-LAH DUA PERKATAAN YANG BERASINGAN, TETAPI WAJIB DI-SATU-KAN DALAM DIRI TIAP2 ORANG ISLAM.**

Sa-telah kelima2 perkara tersebut dalam "RUKUN ISLAM" itu dapat di-laksanakan oleh tiap2 orang yang beriman maka baru-lah sa-seorang itu boleh di-panggil sa-bagai sa-orang muslim jika ia-nya sa-orang laki2 dan sa-bagai muslimah jika ia-nya sa-orang perempuan, ia-itu orang Islam yang patoh dan ta'at menjunjong perentah Tuhan-nya.

Dalam diri kita ini terbentok dua jenis, ia-itu satu benda halus dan satu benda kasar. Yang halus itu, ia-lah roh atau nyawa dan yang kasar itu, ia-lah jasad atau tuboh badan. Manakala sa-seorang itu telah dapat melaksanakan pekerjaan hati-nya dengan chukop sempurna sharat dan rukun-nya dan melaksanakan pekerjaan anggota-nya, juga chukop dengan sharat dan rukun-nya, maka ia-nya boleh-lah di-katakan sa-bagai orang yang telah sempurna hidup-nya, kerana ia-nya telah dapat memenohkan kedua2 kehendak dalam diri-nya, ia-itu kehendak roh atau nyawa-nya dan kehendak jasad atau tuboh badan-nya.

Dalam perlaksanaan kedua2 kehendak rohani dan jasmani itu bukan-lah hanya mementingkan hal2 keakhiratan sa-mata, malah di-dalam-nya mengandongi maksud ka-arah perlakasanaan bagi menunaikan kehendak2 hidup, kerana hidup itu ada-lah puncha atau permulaan bagi menyempurnakan segala urusan2 ibadat. Pendek-nya, kalau kesempurnaan hidup kita tidak terjamin, maka sudah tentu segala pekerjaan atau amalan2 untok akhirat juga tidak akan mendapat kesempurnaan. Tunaikan-lah tanggong-jawab dalam kehidupan kita dalam erti kata meliputi kedua2 kehendak rohani dan jasmani. Rohani, memerlukan didekan akhlak yang sempurna dan jasmani, memerlukan makanan dan minuman yang berseh dan halal. Dengan pengertian yang luas bahawa pekerjaan rohani dan jasmani yang terkandong dalam RUKUN IMAN dan RUKUN ISLAM tadi bukan-lah bererti bahawa kita umat Islam tidak perlu menchari makan dan kekayaan dunia.

Alangkah beruntong-nya kita kalau hidup kita berjaya menchari hakikat hidup yang sa-benar2-nya. Kita bahagia, kerana hidup kita penoh dengan rasa tanggong-jawab yang sa-mesti-nya kita laksanakan. Kita tidak akan merasa kekosongan dalam hidup, kerana dalam hidup kita penoh dengan chinta kapada Tuhan dan chinta kapada tanggong-jawab.

Oleh kerana itu, sa-seorang itu hendak-lah membanyakkan perhatian dan memerhatikan perihal diri-nya sendiri dan jangan banyak memperhatikan hal2 orang lain yang bertujuan menchari2 keaifan-nya. Orang yang mengenal diri-nya sendiri ada-lah mendekatkan diri-nya ka-arah mengenal Allah. Orang yang mengenal Allah Tuhan-nya, akan bertambah kuat iman-nya dan tetap pendirian-nya.



DALAM majlis penyampaian sijil2 kapada 90 orang penuntut termasok 12 orang guru2 Ugama yang telah berjaya menamatkan kursus mereka di-Maktab perguruan Ugama Seri Begawan, Jalan Tutong bertepatan dengan bermula-nya awal tahun Hijrah 1398 yang baru lalu, dua orang penuntut lepasan maktab itu bagi kursus tahun A3 telah terpileh sa-bagai penuntut2 terbaik bagi tahun pengajian 1976/77.

Kelihatan dalam gambar atas penuntut perempuan terbaik bagi maktab itu Dayang Intan bte Jali sedang menerima hadiah-nya dari Yang Berhormat Pehin OKSD Lt. Col. Dato Seri Pahlawan Awg Mohammad. (Gambar JHEU).

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 4hb Januari, 1978 hingga ka-hari Selasa 10hb Januari, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4hb Jan. | 12.30 | 3.50 | 6.27 | 7.40 | 4.57 | 5.12 | 6.29 |
| 5hb Jan. | 12.30 | 3.50 | 6.27 | 7.40 | 4.57 | 5.12 | 6.29 |
| 6hb Jan. | 12.30 | 3.52 | 6.29 | 7.42 | 4.59 | 5.14 | 6.31 |
| 7hb Jan. | 12.30 | 3.52 | 6.29 | 7.42 | 4.59 | 5.14 | 6.31 |
| 8hb Jan. | 12.30 | 3.52 | 6.29 | 7.42 | 4.59 | 5.14 | 6.31 |
| 9hb Jan. | 12.30 | 3.52 | 6.29 | 7.42 | 4.59 | 5.14 | 6.31 |
| 10hb Jan. | 12.30 | 3.52 | 6.29 | 7.42 | 4.59 | 5.14 | 6.31 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**



**DALAM gambar di-atas ini pula menunjokkan beberapa orang mualaf yang telah mengadakan lawatan ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-Bandar Seri Begawan pada 24hb Disember yang baru lalu. Rombongan pelawat2 mualaf itu di-ketuai oleh Awang Ibrahim bin Muhammad sa-orang guru kelas bimbingan bagi mualaf2 di-Kampong Sengkurong. Ketibaan mereka ka-pejabat tersebut telah di-sambut oleh Pegawai2 Ugama di-Majlis Ugama Islam. Gambar JHEU).**

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 9hb. hingga 11hb. Januari, 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Berakas English School (Bahagian Rendah) | 9.1.1978 | Isnin | 2.00- 3.00 petang |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 9.1.1978 | Isnin | 3.30- 5.30 " |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 10.1.1978 | Selasa | 8.30- 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 10.1.1978 | Selasa | 10.30-11.30 " |
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 11.1.1978 | Rabu | 8.30- 9.00 " |
| Sekolah Melayu Serasa | 11.1.1978 | Rabu | 10.00-10.30 " |
| Sekolah Melayu Mentiri | 11.1.1978 | Rabu | 10.45-11.15 " |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 11.1.1978 | Rabu | 11.30-12.00 T/hari |

# BERDAKWAH T-JAWAB SEMUA UMAT ISLAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Berdakwah ada-lah tanggong-jawab semua pehak. Seluroh umat Islam samada belia2, pegawai2 tinggi atau rendah, Penghulu2 atau Ketua2 Kampong mempunyai peranan dalam melaksanakan tanggong-jawab tersebut.

Demikian telah di-tegaskan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar ketika beruchap merasmikan Seminar Dakwah Islamiah Belia ada hari Sabtu 24hb Disember yang lalu.

Yang Berhormat menyatakan bahawa tanggong-jawab berdakwah itu bukan semata2 terserah kapada Jabatan Hal Ehwal Ugama dan pegawai2-nya, akan tetapi ia-nya ada-lah tanggong-jawab semua penganut Ugama Islam yang benar2 jujor dan ta'at menjunjong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya menjadikan Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap dan sempurna bagi Negeri Brunei Darussalam ini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya berkata, sejak majlis dakwah di-rasmikan di-Temburong tidak lama dulu, berapa majlis yang sa-rupa telah di-usahakan dengan jaya-nya oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dan badan2 sukarela di-seluroh negeri ini.

"Dengan kedudokan ini nyata-lah dengan tidak shak lagi konsep dakwah telah di-terima dengan sepenoh-nya oleh masharakat kita Brunei Darussalam yang terchinta ini — yakni dakwah itu telah di-terima oleh seluroh perengkat masharakat sa-bagai satu tanggong-jawab yang mesti ditunaikan oleh semua yang menganut Ugama Islam sa-bagai ugama-nya dan sa-bagai satu chara hidup yang lengkap", tambah Yang Berhormat itu lagi.

Mengenai dengan Seminar Dakwah Islamiah Belia yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Majlis Belia2 Negeri Brunei itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya menchatetkan penghargaan atas usaha2 yang berkebajikan itu.

Menurut Yang Berhormat Pehin, sekarang terdapat banyak publisiti telah di-usahakan dan penulisan2 telah di-terbitkan mengenai dakwah yang mana di-sifatkan oleh Yang Berhormat itu sa-bagai usaha yang mulia dan patut di-luaskan.

Akan tetapi, tambah Yang Berhormat Pehin, dalam membuat seruan itu jangan sampai di-ketawakan orang atau di-katakan saperti 'Ketam menyuroh anak-nya berjalan lurus' — yang mana jika seruan berseliseh dengan perbuatan, maka uchapan2 kita tidak akan di-indahkan oleh orang lain dan pimpinan kita pun tidak berkesan.

Dari itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya menasehatkan peserta2 seminar supaya mengusahakan dakwah itu melalui perbuatan2 yang sempurna dan lurus.

"Tidak guna-nya kita menyeru umat Islam supaya berpuasa, jika kita sendiri tidak tahan berpuasa, tidak bererti kita berseru supaya masharakat menunaikan sembahyang jika kita sendiri leka dengan hal2 lain, tidak berkesan kita melaongkan keadilan jika kita sendiri tidak adil, tidak bermaana kita beruchap supaya dijauhkan dari rezeki haram jika kita sendiri menghalalkan rezeki haram."

Yang Berhormat berkata, sa-baik2 dakwah ada-lah dengan jalan berdakwah melalui chontoh dengan penoh keyakinan serta di iringkan dengan seberapa yang terdapat menurut keupayaan masing2 dengan usaha2 praktikal yang halal dan sempurna.



Kelihatan dalam gambar ini sa-bahagian dari peserta wanita seminar yang terdiri dari anggota2 persatuan2 belia yang bergabong dengan Majlis Belia2 Negeri Brunei ketika hadhir dalam majlis pembukaan rasmi pada 24hb Disember, 1977.

# Seminar memupok kesedaran belia2 terhadap kepentingan dalam berdakwah

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai lebeh 100 orang belia dari beberapa pertubohan belia dan kebajikan di-negeri ini telah menyertai Seminar Dakwah Islamiah Belia yang telah di-langsongkan di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Jalan Tutong baru2 ini.

Seminar yang telah berlangsong sa-lama empat hari yang bermula pada 24hb hingga 27hb Disember itu ada-lah di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Majlis Belia2 Negeri Brunei dengan thema 'BELIA2 MENGHAYATI ISLAM SA-BAGAI CHARA HIDUP.'

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar telah merasmikan seminar tersebut.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin dalam uchapan alu2an-nya di-majlis pembukaan rasmi seminar tersebut berkata antara lain tujuan seminar itu di-adakan ia-lah :

Bagi memupok kesedaran tanggong-jawab belia terhadap peranan mereka sa-bagai orang Islam yang mempunyai kepentingan dalam berdakwah; memberikan gambaran bahawa sa-tiap tindak-tandok belia itu mencherminkan satu keolahan yang sempurna di-sisi Ugama Islam; menghuraikan sandaran2 dan tunjok ajar berugama sa-bagai panduan hidup dan menghalusi amal ibadat sembahyang dan perkara2 taharah.

Di-samping itu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja juga menaroh harapan supaya peserta2 seminar akan mengambil perhatian kapada tujuan2 dan thema seminar tersebut agar mereka akan dapat memberikan sumbangan yang berkesan dalam jangka panjang kapada masharakat dan Negeri Brunei khas-nya dalam bidang kemajuan dan perkembangan Ugama Islam.

Sa-banyak tujoh buah kertas kerja yang telah di-perbinchangkan dalam sepanjang seminar itu di-samping beberapa atorchara lain yang termasok Kuliah Suboh.

Seminar itu telah di-tutop rasmi oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan pada 27hb Disember. Terdahulu dari itu Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja dan Yang Berhormat Dato Setia Awang Abdul Rahman, Pemangku Setia Usaha Kerajaan telah juga meraikan para peserta seminar dengan jamuan makan malam pada 25hb dan 26hb Disember.

# LAPAN KURSUS DI-RANCHANG BAGI PEGAWAI2 KERAJAAN

BANDAR SERI BEGAWAN.—Yunit Latehan Pejabat Perjawatan telah menyusun beberapa kursus dan seminar bagi pegawai2 dan kakitangan Kerajaan sa-panjang tahun ini.

Ketua Yunit Latehan, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif dalam kata2 pendahuluan-nya dalam Buku Kalendar Kursus Latehan 1978, menyatakan bahawa kursus2 tersebut di-ranchang untok melateh pegawai2 Kerajaan dalam semua perengkat bagi memperbaiki nilai serta menyegarkan semula keupayaan sikap dan motif mereka dalam melaksanakan tugas2 dan tanggong-jawab sa-hari2.

Kata-nya, kursus tersebut akan di-jalankan sachara berperengkat2 mengikut keutamaan yang terdapat dalam perkhidmatan Kerajaan dan akan dimulakan dalam bulan ini di-Bangunan Yunit Latehan di-Jalan Kumbang Pasang.

Menurut beliau, kursus2 latehan yang di-ranchang itu bukan-lah satu skim yang konkrit, malah ia-nya hanya merupakan satu usaha sa-bagai perchubaan.

Namun demikian, tambah beliau, kursus2 yang di-ranchangkan sa-panjang tahun 1978 itu di-harapkan akan dapat memberikan pengetahuan dan kemahiran dalam menjalankan tugas2 yang di-pertanggong-jawabkan kapada peserta2 kursus itu nanti.

Awang Haji Jaya berkata, Yunit Latehan akan sentiasa berusaha bagi menganalisa samada tujuan kursus yang akan di-kendalikan itu sesuai dengan keperluan2 jabatan2 Kerajaan di-samping ia-nya juga akan terus menerus memproses chadangan2 mengenai dengan latehan diseberang laut, jika chadangan2 itu tidak dapat di-laksanakan di-dalam negeri.

Kursus2 yang akan di-kendalikan oleh Yunit Latehan itu ia-lah Kursus Pengenalan bagi graduate2 yang baharu berkhidmat. Kursus ini bertujuan untok mengenalkan kapada graduate2 yang baharu berkhidmat tentang struktur Kerajaan sa-chara am dan keadaan sa-keliling dalam mana struktur itu ada. Kursus tersebut akan di-ada-kan dalam bulan ini dan dalam bulan September.

Kursus Perkhidmatan Kapada Awam akan di-adakan sa-banyak empat kali ia-itu dalam bulan Februari dan bulan Oktober bagi pegawai2 imigeresen, kastam, kakitangan Pejabat2 Pos, Perubatan dan Kesihatan dan sebarang jabatan atau bahagian2 jabatan yang banyak berkenaan dengan orang ramai. Kursus yang sama bagi penghantar saman, posmen2 dan pembacha meter akan di-adakan dalam bulan Mei dan Disember.

Kursus Latehan Asas Kerani Tingkatan III juga akan di-adakan sa-banyak empat kali ia-itu dalam bulan Mach, Mei, September dan Nobember. Kursus ini ia-lah untok memberikan pertolongan kapada Kerani2 Tingkatan III bekerja dengan lebeh sempurna dan berkesan dengan chara memberi penerangan mengenai jentera pentadbiran dan sharat2 perkhidmatan serta bidang2 tanggong-jawab mereka.

Kursus Prinsip2 dan Amalan2 Penyeliaan dan Pengurusan yang bertujuan untok membolehkan peserta2 mendalami pengetahuan tentang jentera2 Kerajaan untok menganalisa, memereksa dan mengamalkan prinsip2 penyeliaan dan pengurusan akan di-adakan dalam bulan April.

Kursus Pentadbiran Awam akan di-adakan dalam bulan Jun bagi Timbalan Ketua2 dan Penolong Ketua Jabatan. Kursus ini bertujuan untok menggalakkan pengkajian semula mengenai prinsip2 pentadbiran dan membaharui pengetahuan tentang struktur Kerajaan dan keadaan sa-keliling di-mana suasana ini terdapat untok mengubah-suai keadaan yang ada.

Seminar Mengenai Pembangunan Negara yang bertujuan untok membaharui dan menggalakkan pertukaran fikiran/pendapat peserta2 mengenai dengan masaalah pembangunan dalam negara yang sedang membangun dari segi dasar2 dan keutamaan negara, penentuan dasar dan faktor2 yang mempengarohi-nya. Seminar ini akan di-adakan dalam bulan Julai.

Kursus Penyeliaan akan di-adakan dalam bulan Ogos. Kursus ini di-adakan bagi membolehkan peserta mendalami pengetahuan tentang jentera pentadbiran Kerajaan untok menganalisa dan mengamalkan prinsip2 penyeliaan dan pengurusan.



Bangunan Yunit Latehan di-mana kursus2 akan di-jalankan.

# HADIAH SUMBANGAN SHELL





Kelihatan di-gambar atas salah sa-orang murid dari Daerah Brunei dan Muara sedang menerima hadiah kepujian pelajar-an-nya dari wakil Sharikat Minyak Shell, Awang Syed Ahmad Fadzlulah Ali.




## Hari pelajar ...

Kelihatan gambar atas sa-bahagian dari murid2 sekolah2 rendah dan persediaan Inggeris Kerajaan, China dan Misi bagi Daerah Brunei dan Muara yang telah menerima hadiah kepujian pelajaran terbaik tahun ini dalam majlis penyampaian hadiah2 tersebut yang telah di-adakan di-SM Amar Pahlawan, Berakas pada 19hb Disember lepas.

Manakala gambar bawah pula penuntut2 dari sekolah2 menengah dan maktab2 seluroh negeri yang terpileh menerima hadiah tersebut sedang mendengarkan penerangan ketika kumpolan penuntut itu membuat lawatan ka-salah satu telaga minyak di-Seria.

Dan gambar bawah sekali pula salah satu atorchara yang berupa tarian asli sedang ditunjokkan oleh murid2 di-upacara penyampaian hadiah di-SM Amar Pahlawan tersebut.



Dalam gambar di-sebelah kiri dan bawah ini pula memperlihatkan hasil2 kerja-tangan yang di-buat oleh murid2 dan pendudok2 kampong yang turut menyerikan lagi upachara sambutan Hari Pelajar di-beberapa buah sekolah rendah dan menengah di-seluroh negeri.

Hari Pelajar yang di-sambut dengan penoh meriah dan menggalakkan itu membawa thema "PELAJARAN MEMBENTOK KEPERIBADIAN BANGSA" dan ini sudah tentu saperti juga sambutan pada tahun kebelakangan ini, Hari Pelajar telah sama2 di-jiwai oleh ibu-bapa dan penjaga murid2 serta penuntut2.







SIARAN BAHAGIAN MELAYU RADIO BRUNEI DI-PANCHARKAN MELALUI GELOMBANG2 SEDERHANA 517, 335 DAN 447 METER, SERTA GELOMBANG PENDEK 61 METER. SIARAN INI JUGA BOLEH DI-IKUTI MELALUI PERKHIDMATAN FM STEREO 92.3 MEGA-HERTZ BAGI DAERAH BRUNEI/MUARA DAN TEMBURONG SERTA 93.8 MEGA-HERTZ BAGI DAERAH2 TUTONG, SERIA DAN KUALA BELAIT.

# SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

## RABU

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Peristiwa Hari Ini (SU); 7.45 Hiboran sambil sarapan; 8.00—Sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra Irama; 9.00 — Dendang Antarabangsa; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30—Autograph pendengar. **T/HARI:** 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka; 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Peristiwa hari ini; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00— Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00—Permintaan perajurit; 7.36— Mutiara Hikmat — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Belia zaman ini; 9.00—Hiboran pilehan; 9.30 — Dongeng purba (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Peristiwa hari ini (SU); 7.45 — Hiboran sambil sarapan; 8.15 — Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa: 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. **T/HARI:** 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari, — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Lagu2 Melayu asli; 1.30 — Iklan Radio. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Peristiwa hari ini; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Rampaian di-senja — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.30—Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara Radio (SU); 9.30 — Hiboran malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Peristiwa hari ini (SU); 7.45 — Dendang Suria; 8.00 — Untok kaum tani; 8.30 — Dunia pelajar/pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Dari maikropon radio/foram di-udara; 11.30 — Hidayat (SU). **T/HARI:** 12.00 — Permainan gambus (SU); 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Dari bintang ka-bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Kursus di-radio; 3.30 — Mutiara Hikmat (SU) — Azan untok fardhu Asar; 4.00 — Cheramah minggu ini (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Peristiwa hari ini; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Bakat minggu ini; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Apa kata mereka (SU) — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Autograph pendengar (SU); 9.00 — Bertuturan (SU); 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Peristiwa hari ini (SU); 8.00 — Soalan di-udara/apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilehan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus di-radio (SU); 11.00—Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). **T/HARI:** 12.00 — Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan hari Sabtu. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Peristiwa hari ini; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu lama; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (SU); 9.00 — Foram di-radio/dari maikropon radio; 9.30 — Lagu2 Melayu asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Peristiwa hari ini (SU); 7.45 — Dendang Suria; 8.00 — Majallah Radio/ Meninjau Sambil Lalu; 8.30 — Mari berpantun; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30 — Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Dunia Wanita; 11.30 — Hello siapa di-sana; **T/HARI:** 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.30 — Bualan minggu ini. **PETANG:** 2.00 — Pesta Pop; 2.30 — Tahu kah awda; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Dongeng purba; — Azan untok fardhu Asar; 3.45 — Arena sokan; 4.15 — Keluarga jaya 4.45 — Cherpen dan selokan-nya (SU); 5.15 — Peristiwa hari ini; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama senja; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Suara parajurit — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Brunei Darussalam; 9.30—Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 —Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Peristiwa hari ini (SU); 7.45 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandong irama. **T/HARI:** 12.00—Brunei Darussalam (SU); 12.15—Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Peristiwa hari ini; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Bertuturan 8.45 — Untok kaum tani (SU); 9.15 — Serbanika persembahan; 9.45 — Hiboran malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Peristiwa hari ini (SU); 7.45 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Rampaian London (SU); 9.45—Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Senandong ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/ meninjau sambil lalu; 11.30 — Pusparagam; **T/HARI:** 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Persembahan ku; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). **PETANG:** 2.00— Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 —Peristiwa hari ini; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan Aneka Instrumental — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Untok Pasokan Pulis Diraja; 9.00 — Sajak dan irama (SU); 9.30 — Senandong Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

# RAKAMAN MUTIKA '78 BERMULA

RAKAMAN pertama peraduan seni suara MUTIKA — telah di-siarkan pada Isnin lalu. Sa-ramai tujoh orang peserta yang memasoki perengkat suku akhir telah memperdengarkan suara mereka. Ranchangan ini akan terus di-siarkan pada tiap2 hari Ahad sa-hingga ka-pertandingan akhir yang di-jadualkan dalam bulan Mach depan.

Ranchangan MUTIKA ada-lah projek tahunan Radio Talivishen Brunei untok menchungkil bakat2 baru dalam bidang seni suara. Pemenang pertama dan kedua dalam peraduan itu akan mewakili negeri ini ka-Pertandingan Seni Suara Asia yang akan di-adakan dalam tahun ini.

---

BAHAGIAN Melayu Radio Brunei telah menyusun semula ranchangan2-nya. Mulai 1hb Januari lalu, beberapa ranchangan telah di-tukar masa-nya dan ranchangan2 baru juga telah di-tambah.

Dalam keluaran kali ini kami siarkan susunan perubahan ranchangan tersebut.

Pada minggu ini kami tidak menyiarkan gambar peserta 'Apa Pilehan Awda'. Oleh kerana perubahan masa siaran ranchangan itu, peserta yang di-siarkan pada keluaran minggu lalu itu akan memileh lagu2 kegemaran-nya pada hari Jumaat jam 9.00 pagi. Siaran ulangan ranchangan ini pada di-siarkan pada tiap2 hari Sabtu jam 9.30 pagi.

Mulai 1hb Januari lalu, Bahagian Melayu Radio Brunei juga telah memulakan satu ranchangan baru yang di-muatkan dengan beberapa liputan peristewa harian di-seluroh negeri. Ranchangan ini ada-lah sa-bagai perchubaan sa-lama sa-bulan, jika ia-nya berjaya dan di-sukai ramai, ranchangan ini akan di-teruskan. Untok menjayakan ranchangan ini, kerjasama orang ramai ada-lah sangat2 di-perlukan. Di-samping itu pehak Radio Talivishen Brunei telah melantek beberapa orang untok mengumpol berita2 atau peristewa di-tiap2 daerah di-negeri ini.

Bagi Daerah Temburong ia-lah Ampuan Hussain bin Ampuan Matahir, S. M. Sultan Hassan, Bangar, Temburong, Markinah bin Siput, Pejabat Daerah Tutong, bagi Daerah Tutong, Awang Hashim Suhaimi, Jabatan Kerja Raya bagi Daerah Belait, sementara Awang Hashim bin Haji Abdul Rahman dan Awang Roslan bin Umar untok membuat liputan di-sekitar Bandar Seri Begawan.

---

SANDIWARA radio minggu ini bertajok Menchari Kedamaian, hasil karangan Awang Mohammad Timbang, Jabatan Penjara Jerudong. Siaran ranchangan ini tidak berubah ia-itu pada tiap2 hari Ahad jam 12.00 tengah hari.

Sementara itu, Penerbit Sandiwara Radio telah menerima beberapa naskah skerip Sandiwara radio dari penulis2 tempatan. Walau bagaimana pun Bahagian Melayu menghendaki banyak lagi skerip tersebut untok di-siarkan di-radio.

Penerbit Ranchangan mengingatkan kapada penulis2 tempatan bahawa hasil2 tulisan mereka hendak-lah berkisar di-segi bidang pembangunan negara. Skerip2 hendak-lah di-tulis sa-banyak 11 muka, bukan-nya empat muka saperti yang di-umomkan terdahulu. HARAP AMBIL PERHATIAN.

---

AWANG Rajid bin Haji Metali, No. 38, Kampong Saba Darat 'A', Bandar Seri Begawan telah mendapat tempat pertama dalam ranchangan Apa Pendapat Awda minggu lalu. Ranchangan tersebut telah di-siarkan pada 30hb Disember. Berikut ini ia-lah pendapat Awang Abdul Rajid mengenai dengan tajok: *"Letak ta'at setia ada-lah pada kejujoran dan amanah."*

Kejujoran dan amanah ada-lah suatu pekerjaan hati, yang bila di-amalkan akan menjadi niat. Dengan niat ini-lah yang menentukan ketaat-setiaan sa-seorang terhadap orang yang memberi-nya amanah.

Sa-seorang yang taat dan setia, jujor dan amanah-lah yang selalu menguasai diri-nya. Jadi bila sudah sifat2 ini di-punyai, diri-nya tidak akan mengkhianati negara, bangsa dan ugama-nya tetapi ia akan berusaha, sedia berjuang bermati2an dan melaksanakan sesuatu pekerjaan yang berkebajikan di-dalam bidang2 yang tertentu dengan chara yang terator dan sebaik2-nya, atas dasar taat setia-nya kapada undang2 hidup.

Orang yang tidak jujor dan amanah ada-lah orang yang tidak taat dan setia. Jadi natijah-nya, boleh membawa kapada kemudharatan, ketidak-adilan, porak-peranda malah kestabilan dalam kehidupan akan terancham akibat di-kuasai oleh hawa nafsu yang senentiasa bertakhta di-hati, kepala dan lidah-nya.

Kesimpulan-nya, perbuatan amanah dan jujor itu di-hati dan di-lidah itu, dapat mengukohkan keperchayaan sa-seorang terhadap ugama, negara dan bangsa-nya kerana jujor dan amanah itu ada-lah simbol ketaat-setiaan sa-seorang.

# DAN tv BRUNEI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

### RABU — 4HB. JANUARI,

**PETANG**
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE NEW TOM AND JERRY SHOW
6.27 AZAN MAGHRIB
6.31 WILD, WILD WORLD OF ANIMALS — Kodiak Island

**MALAM**
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 THE DUCHESS OF DUKE STREET "Plain Sailing"
Louisa berchadang hendak membeli rumah tempat beristirehat dan memileh-nya berdekatan dengan Kelab Layar Diraja, yang mana timbul masaalah bagi-nya.
8.00 THE TOP SECRET LIFE OF EDGAR BRIGGS "The Drawing"
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJLIS PERBINCHANGAN
Tajok kali ini ia-lah, "Perlawanan Bola Sepak Sekolah2 Asia yang berlangsong di-India."
9.15 MORECAMBE AND WISE — Episode pertama
Siri baru berchorak musik dari Eric Morecambe dan Ernie Wise.
9.55 PERLAWANAN GUSTI — Mid-Heavyweight antara The Exorcist dan Bob Kirkwood.
10.40 TAMAT TAMAT.

### KHAMIS — 5HB. JANUARI,

**PETANG**
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE BATFINK SHOW
6.27 AZAN MAGHRIB
6.31 THE MUPPET SHOW

**MALAM**
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 THE HIGH CHAPARRAL — "The Ghost of Chaparral"
Turut membintangi ia-lah Seniman2 saperti Mark Slade, Cameron Mitchell, Henry Darrow dan Linda Cristal.
8.00 PLAY SOCCER
Jack Charlton's Way:
Siri terakhir bagaimana chara bermain dengan betul ia-itu mengikut dari teknik Jack Charlton.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 HIDAYAT
9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU
Cherita kali ini bertajok, "Sumpitan Berachun".
11.15 SIARAN TAMAT.

### JUMAAT — 6HB. JANUARI,

**PETANG**
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 MURAI —
6.33 SKIPPY THE BUSH KANGAROO "The Hikers"

**MALAM**
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 THE BLACK AND WHITE MINSTREL SHOW
8.00 THE DICK EMERY SHOW
Kita akan dapat terhibor sa-lama satengah jam dari watak2 luchu Dick Emery dan kawan2-nya.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 SEKITAR TANAH AYER
9.05 TRIBAL EYE "Behind the Mask"
Siri baru dari David Attenborough yang mana pergi mengembara kamerata2 tempat di-dunia untok menyiasat tentang adat dan kebudayaan di-seluroh dunia.
10.00 MYSTERY MOVIE: Columbo "A Case of Immunity"
11.25 SIARAN TAMAT.

### SABTU — 7HB. JANUARI,

**PETANG**
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.29 AZAN MAGHRIB
6.33 SESAME STREET — sambongan

**MALAM**
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 STARSKY AND HUTCH
8.00 MUSIC FROM STUDIO B
Kali ini kita akan berhibor dengan penyanyi2 jemputan Olsen Brothers dan Lee Humphries Singers.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 PANCHA INDERA
9.15 BOLA SEPAK
10.05 TAYANGAN MALAM SABTU: Tales of the Unexpected "Force of Evil"
Teddy Jakes sa-orang pembunoh kembali dan mengumpulkan orang2 untok menakutkan sa-orang doktor yang pernah menghantar-nya ka-penjara. Turut membintangi ia-lah Lloyd Brudges dan William Watson.
12.00 SIARAN TAMAT.

### AHAD — 8HB. JANUARI,

**PETANG**
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 TOUCHE TURTLE
6.29 AZAN MAGHRIB
6.33 THE ROVER — "Double Exposure"

**MALAM**
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 SIX MILLION DOLLAR MAN "Killer Wind"
Steve Austin pergi untok menyelamatkan budak2 sekolah di-sa-buah kereta api tetapi dia telah di-tahan oleh sa-kumpolan penjahat.
8.00 WILDLIFE IN CRISIS. "Walk Through the Widerness"
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MUTIKA
9.15 BEST SELLERS "The Rhineman Exchange" — Bahagian kedua.
10.15 DOCUMENTARY: "Portrait of a Ski-Flyer"
Ahli sokan dari Swiss, Walter Stei yang terbang sa-jauh 177 meter atas udara dengan ski-nya.
11.00 SIARAN TAMAT.

### ISNIN — 9HB. JANUARI,

**PETANG**
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 RETURN TO THE PLANET OF THE APES — "Escape From Ape City"
6.29 AZAN MAGHRIB
6.33 IBG BLUE MARBLE — Programme kedua.
Antara negara2 yang di-kunjongi kita pada kali ini ia-lah Taiwan, England dan Peranchis.

**MALAM**
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 CHARLIE'S ANGELS — "The Vegas Connection"
8.00 BEWITCHED "There's Gold in Them Thar Pills"
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 BOLA SEPAK
9.15 SERIKANDI
9.45 HAWAII FIVE O "Hookman"
10.35 POLDARK" — Episode ke-9
11.25 SIARAN TAMAT.

### SELASA — 10HB. JANUARI,

**PETANG**
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET.
6.29 AZAN MAGHRIB
6.33 SESAME STREET — sambongan

**MALAM**
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 IT'S A KNOCKOUT
Siri terakhir di-mana permainan yang ganjil di-England di-adakan.
8.00 HOLMES AND YOYO
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 SEKITAR TANAH AYER.
9.05 KOJAK — "Kiss It All Good-bye"
Crocker menembak sa-orang wanita muda apabila dia mendapati perompakan berlaku.
9.55 LUKE'S KINGDOM "Devil's Man"
Wang Jason telah di-churi oleh mata2 dan Luke pergi untok menchari penchuri itu.
10.45 SIARAN TAMAT.



Peter Falk (tengah2) dan bintang undangan Hector Elizondo dalam satu adigan "A Case of Immunity" dalam siri MCA Television, Columbo.

# RADIO ENGLISH PROGRAMMES

**WEDNESDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Lunch Music. NOON: 12.00 — Melody Time (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00 — Close Down. 8.30 — Opening Announcement — My Music; 8.30 — Midweek Greetings by Nafisah Haji Ali; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

**THURSDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express. NOON: 12.00 — My Music (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sounds with Tajul Ahmad; 8.30—The Tintner Lectures; 9.00 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abbas; 10.30 — Close Down.

**FRIDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Sports Magazine; 11.15 — Tajul Ahmad Calling On You PM: 12.15 — International Money Programme; 12.30 — News; 12.45 — Our Brunei (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Room 504; 8.30 — Light Music From The Netherlands; 8.45 — Nobody knows where the turtles goes; 9.15 — News; 9.30 — BBC World Report; 9.45 — Frank Muir Goes Into "Jealous"; 10.15 — A Date with . . . ; 10.30 — Close Down.

**SATURDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Room Room 504 (repeat); 11.30 — Women's World produced by Evelyn Samuel; NOON: 12.00— The Ken Dodd Show (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Agriculture—Key To Living; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announvement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

**SUNDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — New Year's Day Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel; 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour; 11.30 — Top of The Pops; NOON: 12.00 Frank Muir Goes Into 'Jealousy"; 12.30 — News; 12.45 — World of Education; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement — Early Hancock; 8.30 — Be My Guest — Introduced by Charan Chand; 9.00 — Perspective; 9.15 — News; 9.30 — Concert Hour presented by Hajjah Zainah; 10.30 — Close Down.

**MONDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announctment — Music-Go-Round . . . an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00 — Early Hancock (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00—Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 8.45 — The Ken Dodd Show; 9.15 — News; 9.30 — Sixty-Minute Theatre: "The Mighty Reservory" by Peter Terson; 10.30 — Close Down.

**TUESDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Housewives' Special. NOON: 12.00 — Be My Guest (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Journal; 8.00—OpeningAnnouncement—Stereo Pop Special Featuring the 1st part of concert performed by Renaissance side 1; 8.30 — It's All Yours produced by Veronica Shim; 9.15— News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Science Journal; 10.30 — Close Down.



Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein.

# Mashuarat agong Persatuan Chator

BANDAR SERI BEGAWAN.—Mashuarat Agong Tahunan Persatuan Chatur Brunei Kali Ke-II akan di-adakan pada hari Ahad, 15hb Januari, 1978 mulai jam 9.30 pagi di-Pusat Belia untok memileh Jawatankuasa Kerja yang baru bagi tahun 1978.

Mashuarat tersebut akan di-dahului oleh perbinchangan Penyata Tahunan dan Kira2 Pendapatan dan Perbelanjaan yang telah di-odit.

Semua pegawai dan ahli2 berdaftar dengan persatuan itu ada-lah di-minta hadhir dalam mashuarat itu. Pemain2 chatur yang tidak berdaftar tetapi ingin mendengarkan mashuarat itu ada-lah juga di-pelawa untok sama2 hadhir.

BELIA DAN SOKAN

# Bolasepak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perlawanan bolasepak telah di-adakan antara Jabatan2 Kerajaan di-Daerah Brunei/Muara. Sa-banyak 20 buah pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawanan sistem liga itu. Perlawanan tersebut ada-lah anjoran Persatuan Bolasepak Amatur Daerah Brunei/Muara.

**KAN-HAL KITANI . . .**

- • Kamana kita minggu lapas, 'Ngah ?
- † Maliat orang muda2 kitani . . .
- • Bahapa bisdia ?
- † Bakumpol di-K. Belait
- • Atu Kongres nama-nya, 'Ngah !
- † Mun miatu, kamboh tah balek belia2 kitani . . .
- • Uchapan tahniah kpd. MBB.

**SEMINAR DAKWAH ISLAMIAH BELIA:**

# BELIA2 DI-SERU SIBARKAN SHIAR ISLAM

**BERIKUT ini ia-lah uchapan sepenoh, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan sewaktu melakukan penutopan rasmi Seminar Dakwah Islamiah Belia, anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Majlis Belia2 Negeri Brunei, yang baru lalu.**

Peramba/kaola/saya perchaya bahawa Awang2 dan Dayang2 telah beroleh sebanyak sedikit buah2 fikiran yang bernas lagi membena bagi penchapaian Seminar Dakwah Islamiah yang di-adakan sa-lama tiga hari ini. Membuat kerja2 dakwah bukan-lah semudah menyebut-nya dibibir sahaja, kerana dakwah itu yang bermaksud pengajaran, seruan, panggilan dan undangan saperti menurut analisa saudara Isa Anasari sa-orang ulama.

Sa-lanjut-nya dakwah juga bermakna menyampaikan seruan Islam, mengajak dan memanggil umat manusia supaya menerima dan memperchayai keyakinan dan pandangan hidup Islam.

Menurut fahaman saya lagi, apa saja kerja2 untok Dakwah Islamiah ada-lah mempunyai beberapa matalamat asasi yang sama ia-itu untok menyibar, mengembang dan memperluaskan akidah kapada semua masharakat di-negeri ini agar perutusan kebenaran (Islam) itu sampai kapada manusia.

Memandang kapada pergolakan dunia pada hari ini lebeh2 lagi ujud-nya berbagai2 fahaman idealoji yang sering kita dengar dan bacha di-mass-media saperti fahaman komunis, sosialis dan sa-bagai-nya di-samping pengaroh2 moden yang hanya menitek beratkan, kebendaan semata2 maka tidak shak lagi peranan Dakwah Islamiah adalah sangat2 penting di-masa ini.

Jadi-nya, kegiatan2 Awang2 mengadakan Dakwah Islamiah ini memang kena pada tempat-nya, saya menguchapkan shabas dan tahniah serta berdo'a semoga amal2 yang suchi murni akan mendapat taufik dan hidayah dari Allah s.w.t.

Saya berharap di-samping Dakwah Islamiah ini Awang2 dan Dayang2 akan berusaha lagi mengadakan Seminar2, Simposium2 dan dialog yang berkesan kapada perkembangan dan kemajuan Islam di-tanah ayer sesuai dengan prinsip negara kita untok menjadikan Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap. Jika termampu oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei, chubalah menghantar pemimpin2 belia yang berkebolehan supaya meninjau negara2 islam yang lebeh jauh kemajuan-nya dari negeri kita untok mempelajari, menchontohi dan membuat perbandingan yang sesuai dengan perkembangan2 dan kemajuan2 di-negeri kita.

Perubahan2 yang besar dan mungkin membimbangkan kapada kita semua dewasa ini ia-lah perubahan sosial di-negeri kita, dimana sa-jumlah besar penduduk negeri kita ada-lah terdiri dari golongan belia.

Dengan ada-nya pengaroh2 luar samada yang menembusi masok ka-negeri ini mahu pun yang dapat di-lihat menerusi wayang2 gambar, TV dan sa-bagainya itu tidak dapat di-nafikan sa-banyak sedikit telah di-ikut2 oleh belia/beliawanis kita. Dari segi pakaian mereka yang rugged, terdedah, sempit, rambut yang panjang, kusut masai, olah2 mereka yang tidak sopan dan tidak hormat kapada orang2 yang lebeh tua daripada mereka semua-nya ini jika terbiar akan menular dan lambat laun akan menjadi kerumitan bukan saja kapada ibu bapa malahan kapada semua golongan masharakat.

Jadi-nya kapada Majlis Belia khas-nya dan kapada Persatuan2, Pertubohan2 Badan2 Belia dan Kebajikan, am-nya, saya serukan supaya berusaha bagi menghindarkan salah satu penyakit masharakat yang saya sebutkan tadi.

Kita sudah mempunyai satu matalamat ia-itu menjadikan Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap, jadi-nya Seminar Dakwah yang di-adakan ini ada-lah salah satu chara untok menyibarkan Shiar Islam dan salah satu chara juga dapat mengatasi dan memerangi pengaroh2 yang tidak sehat yang di-datangkan dari luar.

Akhir-nya saya berharap dengan ada-nya resolusi2 yang Awang2 dan Dayang2 chapai dalam Seminar Dakwah Islamiah yang telah di-sampaikan kapada saya sudah barang tentu-nya akan membuka jalan baru atau pun sekurang2-nya dapat mendekati matalamat negara kita ia-itu menjadikan Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap. Resolusi2 itu akan di-kaji dan di-timbang dengan teliti lagi selanjut-nya.



Kelihatan perwakilan dari Persatuan Melayu Keriam (gambar atas) sedang mendengar cheramah yang telah di-sampaikan dalam Seminar Dakwah Islamiah Belia, anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Majlis Belia2 Negeri Brunei, yang baru lalu.—Gambar ehsan JHEU.



# Sumbangan Pengakap

**PERSEKUTUAN Pengakap Negeri Brunei, telah mendermakan sekeping chek bernilai $600 kapada Tabong Benchana Alam Kebangsaan Brunei.**

**Sumbangan itu telah diserahkan kapada Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein oleh Timbalan Ketua Pesurohjaya Persekutuan Pengakap Pengiran Haji Sani bin Pg Ahmad yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Menambah Tabong Kewangan Persekutuan tersebut (gambar kiri).**

**Wang tersebut ada-lah sebahagian dari hasil kutipan projek lumba berjalan kaki anjoran persekutuan itu. Sumbangan itu telah di-sampaikan di-satu upachara di-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan diibu negeri.**

# Kongres Agong MBB di-Kuala Belait

KUALA BELAIT. — Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein, telah merasmikan Kongres Agong Majlis Belia2 Negeri Brunei di-sini Ahad lepas.

Turut memberikan uchapan dalam majlis perasmian kongres MBB itu ia-lah Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar dan Yang Dipertua MBB, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif.

Antara yang di-binchangkan dalam kongres itu ia-lah, mengkaji peranan MBB pada masa lalu dan akan datang, memperbinchangkan usol2 dari perwakilan, membinchangkan kertas kerja berhubong dengan kegiatan MBB perengkat antarabangsa.

Kira2 300 orang perwakilan persatuan belia seluroh negeri telah menghadhiri kongres itu.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Government Printing Department Tender Notices

### THE SUPPLY OF PRINTING PAPERS TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEAR 1978

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon, Thursday, 16th February, 1978 for: —

THE SUPPLY OF PRINTING PAPERS TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEAR 1978.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

4. The cover must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and marked as follows: —

THE SUPPLY OF PRINTING PAPERS TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEAR 1978.

5. Tender forms and specifications can be obtained from the office of the Government Printer Government Printing Department, Old Airport Building, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Brunei during normal working hours or on request in writing.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accepting the lowest or any tender.

### THE SUPPLY OF WOODFREE DUPLICATING PAPER TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEAR 1978

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon, Thursday, 16th February, 1978 for: —

THE SUPPLY OF WOODFREE DUPLICATING PAPER TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEARS 1978.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

4. The cover must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and marked as follows: —

THE SUPPLY OF WOODFREE DUPLICATING PAPER TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEAR 1978.

5. Tender forms and specifications can be obtained from the office of the Government Printer Government Printing Department, Old Airport Building, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Brunei during normal working hours or on request in writing.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accepting the lowest or any tender.

### THE SUPPLY OF ENVELOPES FOR THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEAR 1978

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon, Thursday, 16th February, 1978 for: —

THE SUPPLY OF ENVELOPES TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEAR 1978.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

4. The cover must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and marked as follows: —

THE SUPPLY OF ENVELOPES TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEAR 1978.

5. Tender forms and specifications can be obtained from the office of the Government Printer Government Printing Department, Old Airport Building, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Brunei during normal working hours or on request in writing.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accepting the lowest or any tender.

### THE SUPPLY OF GLAZED MECHANICAL PRINTING PAPER FOR THE PELITA BRUNEI FOR THE YEAR 1978

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon, Thursday, 16th February, 1978 for: —

THE SUPPLY OF GLAZED MECHANICAL PRINTING PAPER FOR THE PELITA BRUNEI FOR THE YEAR 1978.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

4. The cover must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and marked as follows: —

THE SUPPLY OF GLAZED MECHANICAL PRINTING PAPER FOR THE PELITA BRUNEI FOR THE YEAR 1978.

5. Tender forms and specifications can be obtained from the office of the Government Printer Government Printing Department, Old Airport Building, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Brunei during normal working hours or on request in writing.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accepting the lowest or any tender.

## SA-BAGAI JURUTERA LAUT PASOKAN POLIS DIRAJA BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Chawangan Laut, Pasokan Polis Diraja Brunei.

1. **JURUTERA LAUT:**

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Jurutera Berkanun, dan mempunyai Certificate of Competancy sa-bagai First Class Engineer yang di-keluarkan oleh Board of Trade atau kelulusan yang sebanding. Hendak-lah mempunyai pengetahuan luas dalam kerja2 benaan bot, membaiki kapal dan pengalaman mengawal kakitangan2 teknikal.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji B.2 EB.3 —B$1645-1709-1771-1836-1900-1964-2027 - 2104 - 2180 - 2257 - 2333-2410 - 2486 - 2563 - 2639 - 2716/EB/2791-2869-2945-3022.

2. **PENOLONG JURUTERA LAUT:**

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Jurutera Berkanun, dan mempunyai Certificate of Competancy sa-bagai First Class Engineer yang di-keluarkan oleh Board of Trade atau kelulusan yang sebanding. Hendak-lah mempunyai pengetahuan yang menchukopi dalam kerja2 benaan bot, membaiki kapal dan pengalaman mengawal kakitangan2 teknikal.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji B.1 EB.2 — B$1033 - 1071 - 1109 - 1148 - 1186-1224 - 1275 - 1326 - 1377 - 1428-1479 - 1530 - 1581 / E B / 1645-1709 - 1771 - 1836 - 1900 - 1964-2027 - 2104 - 2180 - 2257 - 2333-2410 - 2486 - 2563 - 2639 - 2716.

3. **FOMEN BENGKEL:**

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Hendak-lah mempunyai Diploma dalam salah satu bidang pertukangan sa-baik2-nya Kejuruteraan Jentera atau Benaan Kapal, dan mempunyai pengalaman luas dalam kerja2 bengkel serta mengawal kakitangan2 teknikal.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 — $1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683.

**Sharat2 Lantekan:**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 15hb Februari, 1978.

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICE

### SERIAL No. 46 (IW)/1977

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A' and 'B' up to 12 noon on Tuesday, 10th January, 1978, for the following: —

ELECTRICAL INSALLATION FOR 2 BLOCKS OF SINGLEMEN'S BARRACKS (PHASE II) AT FLOTILLA BASE, MUARA.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board, The envelope to be clearly marked:—

"Tender for the Electrical Installation For 2 Blocks of Singlemen's Barracks (Phase II) at Flotilla Base, Muara."

### SERIAL No. 59/77 AIR CONDITIONING INSTALLATION

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade A & B air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 24 January, 1978 for the: —

NEW RESEARCH CENTRE LABORATORIES AGRICULTURE DEPARTMENT KILANAS

2. Tenders received after the stated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked: 'Air Conditioning Installation, Agriculture Research Laboratories, Kilanas'.

4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the Office of the Chief Electrical Department Bandar Seri Begawan, Brunei.

5. The Tender Deposit is $400.00 refundable to all tenderers who submit a bona fide tender.

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### SERIAL No. 65(AC)77 AIR CONDITIONING INSTALLATION

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade A & B air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 24 January, 1978 for the: —

BUILDING TRADE SCHOOL, JALAN MUARA NEW CLASSROOM BLOCK

2. Tenders received after the stated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked: 'Air Conditioning Installation Building Trade School, Jalan Muara, Brunei.

4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the Office of the Chief Electrical Department Bandar Seri Begawan, Brunei.

5. The Tender Deposit is $300.00 refundable to all tenderers who submit a bona fide tender.

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## UNCOOKED RATIONS — TENDER NOTICE PLACE OF DETENTION JERUDONG BRUNEI

TENDERS will be received by The Chairman Tenders Board, Brunei at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 4.00 pm, on Thursday 26th January. 1978 for "UNCOOKED RATIONS". Tenders are invited to supply of "UNCOOKED RATIONS" for DETAINEES of Place of Detention Jerudong Brunei from 1st April 1978 to 31st March 1979.

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Beras (Rice) | per lb |
| 2. | Ikan hidup/udang No. 1 atau oN. 2 (fresh fish/prawns) | per lb |
| 3. | Daging Kerbau | per lb |
| 4. | Ayam (berseh bulu) dressed chickens | per lb |
| 5. | Sayor daun (sawi, bayam, lobak, kangkong dan lain2) | per lb |
| 6. | Sayor Buah (kachang panjang, kachang bonches, petola, labu manis dan lain2) | per lb |
| 7. | Ubi kentang | per lb |
| 8. | Roti paun | per lb |
| 9. | Telor ayam | each |
| 10. | Buah2an (fresh fruits) | each |
| 11. | Kopi (Chap Bas) | per lb |
| 12. | Teh (Lipton) | per lb |
| 13. | Susu manis (Milkmaid) | per lb |
| 14. | Susu powder (Everyday) | per lb |
| 15. | Horlicks | per lb |
| 16. | Mentega (Golden Churn) 1 lb tin | per lb |
| 17. | Jam (1 lb bottle) | per lb |
| 18. | Kaya | per lb |
| 19. | Gula (gula puteh) sugar | per lb |
| 20. | Minyak makan (coconut oil) | per lb |
| 21. | Garam (salt) | per lb |
| 22. | Asam | per lb |
| 23. | Rempah serbok | per lb |
| 24. | Rempah kunyit | per lb |
| 25. | Chili hidup | per lb |
| 26. | Chili kering | per lb |
| 27. | Bawang Merah | per lb |
| 28. | Bawang besar | per lb |
| 29. | Kachang hijau/ubi manis atau lain2 jenis ubi) | per lb |
| 30. | Kelapa tua (coconut) | each |
| 31. | Rokok 555 (10 batang) | per packet |
| 32. | Machis | per packet |

Tenders received after this date will be rejected.

The quality and quantity of rations supplied must be to the satisfaction of The Superintendent, Place of Detention Jerudong, if not to his satisfaction, then the ration must be returned to the Contractor and replaced by their equivalent or better at the original price, meat and fish should not included bones and the meat should not be injected with water.

The Superintendent, Place of Detention Jerudong, will issue instruction on amount of rations required each evening. All rations should be delivered daily at The Place of Detention Jerudong not later than 7.00 am. The Contract may be terminated by either side giving one month notice in writing. Tenders must be placed in a plain envelope must be no indication on the cover of the tender.. The cover must be addressed to the Chairman Tenders Board Brunei at the address given in para 1 above. Tender deposit will be $100.00 to be paid into the State Treasury, Brunei and receipt to accompany the tender. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## P. W. D. TENDER NOTICE

TENDERS will be received from "C" Hauling contractor only and above P.W.D. Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 10th January, 1978 for:—

SUPPLY OF BEACH SAND TO J.K.R. BERAKAS DEPOT, BRUNEI.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of the Director of Public Works, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of quantity 10 Jackson Trueline Electric Cooker Model 596 to the Royal Brunei Malay Regiment.

The tender should state price and delivery time.

Tenders are to be submitted to the Chairman Brunei Tenders Board, Bandar Seri Begawan by 1200 hrs on 7th January 1978. All tenders are to be submitted in plain sealed envelopes and should be endorsed "ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT ELECTRIC COOKERS JACSON".

## STATES STORES AND SUPPLIERS DEPT. TENDER NOTICE No. 1/78

TENDERS are invited from "bona fide" suppliers/Agents for the supply of:

4000 METRIC TONNES REFINED GRANULATED CANE WHITE SUGAR, COARSE GRAIN.

Please contact the Controller of Government Stores, State Stores and Supplies Department, Jalan Gadong, during working hours for particulars of tender.

Tender closes by 12.00 noon on Tuesday 24th January, 1978.

## SUCCESSFUL TENDERS

1. Tender for the construction of a Laboratory at SMJA school — Aw Hj Tengah bin Ahmad — $99,250 — 7 months.
2. One police post at Kampong Bebuloh, Tutong — Hj Mohsin bin Pukul — $56,890 — 5 months.
3. Supply of Aluminium doors etc for the Messes and quarters at Flotilla Base — Lian Heng Const Co—$153.225.90 — 5 months.

## NOTICE

THE tender for the grass-cutting at the new general hospital site has been temporarily postponed until further notice.

Alister MacDonald dan Rakan
147 Jalan Chevalier
Bandar Seri Begawan.

# SALORKAN TENAGA BELIA DI-LAPANGAN KEBAJIKAN

KUALA BELAIT.—Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein mensifatkan Majlis Belia2 Negeri Brunei (MBB) sa-bagai mempunyai tanggong-jawab yang penting untok menyalorkan serta menggunakan tenaga sukarela di-kalangan belia2 di-negeri dalam menchuba kebolehan watak mereka dalam semua lapangan yang berkebajikan.

Ini jelas Yang Berhormat itu, memandangkan perkhidmatan belia yang kian bertambah mustahak sejak beberapa tahun kebelakangan ini di-berbagai lapangan mashararakat kita.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein telah beruchap demikian sa-belum merasmikan Kongres Agong Perwakilan MBB bertempat di-Dewan Kemasharakatan di-sini pada pagi Ahad 1hb Januari yang baru lalu.

Kata-nya, kegiatan dan kemajuan yang telah dilaksanakan dan di-chapai oleh belia2 telah bertambah dalam kerja2 sukarela dan kebajikan dan hendak-nyalah ia juga di-tumpukan kabidang sokan dan olahraga pada menambah kemajuan serta tanggong-jawab dalam meletakkan diri di-segi pimpinan serta hemah belia.

Bagi sa-buah negara yang sedang membangun, tambah Yang Berhormat itu sa-terus-nya, belia2 adalah merupakan satu tenaga dan pendorong yang kuat dalam bidang pembangunan dan mereka mesti-lah sedar dan bersatu padu dalam semua segi pada mendokong matalamat karah pembisaian dan kesempurnaan pembangunan itu.

"Peranan utama belia2 dan raayat Negeri Brunei ka-arah ini ia-lah penyertaan tenaga yang jujor dari belia2 dan raayat di-samping sama2 menjaga dan mengujudkan keamanan, kemakmoran dan kedaulatan negeri supaya pembangunan yang sedang dan akan di-laksanakan itu terchapai", kata Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja.

Beruchap mengenai penghantaran belia2 ka-perwakilan2 luar negeri yang telah di-perkenankan oleh Kerajaan pada tahun lalu, Yang Berhormat Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan berharap agar MBB akan dapat menggunakan belia2 yang berkebolehan bagi mengujudkan ranchangan pertukaran belia keluar negeri.

Sa-bagai wakil tunggal kapada beberapa buah persatuan2 belia yang berdaftar di-negeri ini, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja juga menaroh harapan, supaya persatuan2 dan badan2 kebajikan belia yang belum lagi bergabong dengan MBB akan berbuat demikian, di-mana kata Yang Berhormat itu, banyak peluang2 yang berkebajikan tidak dapat di-sertai oleh mereka saperti penyertaan anggota2 gabongan MBB di-Seminar Dakwah Islamiah Belia baru2 ini.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja saterus-nya menaroh kegembiraan di-mana dengan penyertaan keahlian MBB dalam Pertubohan Belia Sa-Dunia dan Majlis Belia Asia, MBB telah membawa taraf-nya ka-perengkat antarabangsa, kerana itu dengan penyertaan wakil2 MBB ka-perwakilan pertubohan2 antarabangsa itu ia-nya telah banyak mendatangkan faedah yang berkebajikan terutama sekali untok belia2 di-negeri ini.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein juga menguchapkan shabas kaatas kejayaan MBB mengadakan sidang kongres-nya ka-Daerah Belait yang beliau sifatkan sa-bagai yang pertama kali mengalihkan sidang-nya sa-lain dari Bandar Seri Begawan.

Turut beruchap di-majlis perasmian itu ia-lah Yang Dipertua MBB, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif dan Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdullah.

Kira2 300 orang perwakilan dari persatuan2 belia gabongan MBB telah menyertai kongres yang berlangsong sa-hari suntok pada hari itu dan telah membinchangkan beberapa kertas-kerja termasok Laporan Tahunan MBB, 1977 dan Penyata Kewangan MBB, 1977.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan memereksa perbarisan kehormatan yang terdiri dari anggota pasokan Pulis Diraja Brunei di-pekarangan Dewan Majlis sa-jurus sa-belum Baginda berangkat merasmikan Pembukaan Majlis Mashuarat Negeri pada 22hb Disember, 1977 yang lalu.

## Peguam Negara yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dengan sukachitanya telah melantek Yang Berhormat Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas sabagai Peguam Negara yang baru. Perlantekan tersebut bermula pada 1hb Januari, 1978.



Y.B. Pengiran Bahrin.

Berumor 32 tahun, Y. B. Pengiran Bahrin merupakan anak tempatan yang pertama memegang jawatan Peguam Negara. Sabelum itu, jawatan tersebut telah di-sandang oleh pegawai2 asing.

Y. B. Pengiran Bahrin mula berkhidmat dengan Kerajaan DYMM pada 21hb Disember, 1970 sabagai Penolong Penasehat Undang2. Lima tahun kemudian, Yang Berhormat telah di-naikkan pangkat menjadi Timbalan Peguam Negara ia-itu pada 1hb Januari, 1975.

Y. B. Pengiran Bahrin telah memangku jawatan Peguam Negara sejak 2hb Mei, 1977.

Y.B. Pengiran Bahrin telah mendapat didekan di-Sekolah Menengah Melayu SMJA dan Maktab SOAS sa-belum melanjutkan pelajaran ka-United Kingdom. Yang Berhormat memperolehi ijazah sarjana muda (L.L.B.) dalam jurusan undang2 dari Universiti Birmingham dalam tahun 1968. Yang Berhormat kemudian-nya melanjutkan pelajaran-nya di-Universiti College, Universiti London dan memperolehi ijazah master (L.L.M.) dalam jurusan undang2. Yang Berhormat juga telah di-terima menjadi Ahli Peguam di-Greys Inn di-England.

Mulai bulan Ogos tahun lalu, Yang Berhormat Pengiran Bahrin telah di-lantek sa-bagai salah sa-orang Pengarah Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, LNG Brunei Berhad dan Coldgas Brunei Berhad. Disamping itu, Yang Berhormat juga ada-lah salah sa-orang ahli Lembaga Pengarah Sharikat Penerbangan Diraja Brunei.

## Pepereksaan City & Guilds

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran kini sedang membuat persiapan bagi mengadakan pepereksaan City & Guilds yang akan di-adakan dalam bulan Mei dan Jun. Borang untok memasoki pepereksaan tersebut sekarang boleh di-dapati dari Pengetua2 Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal di-Jalan Muara, Pusat Latehan Teknikal, Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait, Ketua Jabatan Latehan dan Sekolah Pertukangan Vokishenal, Sharikat Minyak Shell Brunei di-Seria.

Chalun2 persendirian boleh-lah memperolehi borang2 tersebut dari Lembaga Pepereksaan di-Bandar Seri Begawan.

Borang2 yang telah diisikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 18hb Januari ini.

## Anggaran hasil pendapatan bertambah tahun ini

Dari muka 1

tiada-lah terdapat sebarang masaalah belanjawan.

"Mana2 pembatasan yang perlu di-buat hanya-lah kerana hendak mengelakkan perbelanjaan yang membazir dan yang tidak mendatangkan faedah, dan juga bagi mempastikan bahawa chorak perbelanjaan hanya di-tentukan oleh keperluan2 masa ini dan masa2 hadapan bagi mengadakan perkhidmatan2 Kerajaan yang menchukopi dan chekap", tambah Yang Berhormat Pehin Dato Lee.

Mengenai kemajuan, Y.B. Pehin Dato Lee berkata, ranchangan lima tahun yang baru yang telah diperuntokan perbelanjaannya sa-banyak $700 juta sekarang telah di-tambah menjadi $760 juta.

Ini di-buat bagi menemui kenaikan harga barang2 dan perkembangan2 yang perlu bagi ranchangan2 yang tertentu bagi merangkum perkara2 yang keperluan bagi-nya hanya ketara sa-lepas sekim2 itu di-mulakan.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara berkata, anggaran perbelanjaan ka-atas projek2 Kemajuan dalam tahun ini ia-lah sa-banyak $208 juta dan sa-bagaimana yang diramalkan awal2 tadi bahawa wang sa-jumlah $160 juta supaya di-pindahkan kapada Kumpolan Wang dari hasil pendapatan dalam tahun ini yang menjadikan jumlah $245 juta dan seharus-nya-lah terdapat satu baki kredit dalam Kumpolan Wang pada penghujong tahun ini berjumlah $37 juta.

Terdahulu sa-belum itu, Y.B. Pegawai Kewangan Negara telah menyentoh mengenai kedudokan ekonomi di-kebanyakan negara2 yang sedang membangun dan maju di-dunia ini.

Yang Berhormat berkata, kecherahan semula suasana ekonomi yang dengan penoh yakin di-ramalkan telah mengambil masa yang agak perlahan untok menchapai-nya walau pun terdapat pemulehan yang terhad bagi beberapa buah negara, namun demikian negara2 yang lain maseh diselubongi oleh kemurongan yang semakin mendalam.

"Masaalah2 yang mereka hadapi itu tidak timbul di-Negeri Brunei ini dan kita telah dapat bertedoh di-bawah naongan payong ekonomi minyak dan gas dalam keadaan yang kita tahu bahawa kedudokan kewangan kita ada-lah chukop kuat untok melindongi orang ramai daripada pengorbanan2 yang mana pendudok2 di-negara2 yang kurang bernasib baik telah di-gesa untok melakukan-nya."

(Uchapan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara di-majlis itu kami siarkan sa-bahagian daripada-nya di-muka 2 dan akan di-sambong pada minggu2 berikut-nya).

## Harga barang2 keperluan

**SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang didapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut dibawah ini bermula bagi minggu 29hb Disember, 1977 sahaja.**

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. BAWANG MERAH — $1.50 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Teck Bee, No. 106, Bangunan Guru2 Melayu,
   b) Sharikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier,
   c) Leong Soon Huat, No. 1, Jalan McArthur,
   d) Liong Yu Co., No. 58, Jalan Sultan,
   e) Sin Sing Kee, No. 70, Jalan McArthur,
2. KACHANG HIJAU — 90 sen sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) A. M. Mohammad Ali Maricar, No. 87, Jalan Chevalier,
   b) Hong Guan Koon Kee No. 10, Jalan McArthur,
   c) Ming Thai & Co. No. 32, Jalan Sultan,

**KUALA BELAIT :**

1. BAWANG MERAH — $1.60 sa-kati, boleh di-beli dari kedai berikut : —
   a) Fon Soon, No. 60-A, Jalan Pretty,
2. KACHANG HIJAU — $1.00 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Ng Ming Hong, No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China, Jalan Bunga Raya,
   b) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty,
   c) Chiong Kee, No. A-1, Jalan Pretty,
   d) Guan Heng, No. 30-C, Jalan Sungai,
   e) Soon Seng & Co., No. 32, Jalan Pretty,
   f) Teo Hiang Hng, No. 45, Jalan Pretty,
   g) Chin Fatt, No. 60-B, Jalan Pretty,
   h) Eng Soon Seng, No. 58, Jalan Pretty,

**SERIA :**

1. BAWANG MERAH — $1.80 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Foo Hap Shing, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali,
   b) Hui Guan, No. 48 - B, Jalan Bunga Kuning,
2. KACHANG HIJAU— 80 sen sa-kati, boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Foo Hap Shing No. 20, Jalan Sultan Omar Ali,

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.